

LAPORAN TAHUNAN 2024

PERBADANAN
PRODUKTIVITI
MALAYSIA



Memacu Produktiviti Negara



LAPORAN TAHUNAN 2024

PERBADANAN PRODUKTIVITI

MALAYSIA

Memacu Produktiviti Negara

Diterbitkan oleh:

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

East Wing, Menara MATRADE,

Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,

50480 Kuala Lumpur

© 2026 Perbadanan Produktiviti Malaysia

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian penerbitan, ilustrasi, reka bentuk, grafik dan menyimpan isi kandungan dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa-apa cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia.



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERUTUSAN Pengerusi	4
BAB 1: PROFIL KORPORAT	8
1.1 Latar Belakang Penubuhan MPC	9
1.2 Visi	10
1.3 Misi	10
1.4 Fungsi MPC	10
1.5 Lembaga Pengarah MPC	11
1.6 Lembaga Pengurusan MPC	12
1.7 Carta Organisasi	12
BAB 2: TADBIR URUS DAN PEMATUHAN	
2.1 Sistem Kawalan Dalaman & Pengurusan Risiko	14
2.2 Pematuhan MPC Terhadap Piawaian dan Peraturan	15
2.3 Pengukuhan Integriti dan Ketelusan Tadbir Urus	16
BAB 3: LAPORAN KEWANGAN DAN SUMBER DANA KERAJAAN	
3.1 Ringkasan Penyata Prestasi Kewangan	21
3.2 Penyata Kedudukan Kewangan	22
3.3 Penemuan Audit dan Sijil Ketua Audit Negara	23

PERKARA

MUKA SURAT

BAB 4: KEBERHASILAN DAN KEJAYAAN PROGRAM MPC 2024

4.1 PRESTASI KPI UTAMA DAN PENCAPAIAN STRATEGIK	28
4.2 REFORMASI KERENAH BIROKRASI (RKB): MEMPERCEPAT URUS NIAGA DAN MENYOKONG DAYA SAING NEGARA	31
4.3 DASAR GAJI PROGRESIF (DGP): MEMPERKUKUH GANJARAN BERASASKAN PRODUKTIVITI DAN KEMAHIRAN	36
4.4 AKADEMI DALAM INDUSTRI (ADI): MENYEPADUKAN PENINGKATAN KEMAHIRAN DENGAN PRODUKTIVITI NASIONAL	39
4.5 REFORMASI DAN KEDUDUKAN DAYA SAING NEGARA	42
4.6 INISIATIF UTAMA DALAM TRANSFORMASI DIGITAL, <i>ENVIRONMENT, SOCIAL AND GOVERNANCE</i> (ESG) DAN INOVASI	44
4.7 PENINGKATAN PRODUKTIVITI SYARIKAT MELALUI TEKNOLOGI DIGITAL DAN KECERDASAN BUATAN (AI)	50

BAB 5: PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	57
PENYATA KEWANGAN	61
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	64

PERUTUSAN Pengerusi



Assalamualaikum waramatullahi
wabarakatuh, salam sejahtera, dan salam
produktiviti.

Dengan penuh rasa syukur, saya berbesar
hati membentangkan Laporan Tahunan
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
bagi tahun 2024. Laporan ini merangkumkan
pencapaian utama, cabaran yang kian
kompleks, serta hala tuju MPC dalam
memperkasa landskap produktiviti negara.

Tahun 2024 menyaksikan pemulihan ekonomi yang kukuh dengan pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 2.4 peratus, mencecah RM99,137 bagi setiap pekerja, berbanding hanya 0.7 peratus pada tahun sebelumnya. Produktiviti buruh per jam bekerja juga meningkat 2.1 peratus kepada RM42.80 sejam. Pencapaian ini menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.1 peratus dan mencerminkan keyakinan sektor perniagaan terhadap penggunaan teknologi serta automasi.

Walaupun prestasi 2024 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan, cabaran struktural kekal dan perlu ditangani secara berterusan. Selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), usaha peningkatan produktiviti buruh perlu diperkukuh melalui transformasi digital, pemodenan proses pengawalseliaan serta pembangunan bakat berkemahiran tinggi. Seiring dengan hala tuju ini, MPC akan terus melaksanakan pendekatan berasaskan data dan pemeriksaan industri bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam ekonomi serantau dan global.

Cabaran daya saing global turut memerlukan perhatian serius. Malaysia mencatat penurunan tujuh anak tangga ke kedudukan ke-34 dalam IMD World Competitiveness Ranking 2024 berbanding tangga ke-27 2023. Penurunan ini menuntut tindakan

responsif dalam meningkatkan kecekapan pentadbiran, mempercepat semakan peraturan serta memacu pembangunan bakat tempatan agar selari dengan keperluan ekonomi berintensif pengetahuan.

Sepanjang 2024, MPC menerajui pelaksanaan 200 projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) bagi menyokong aspirasi reformasi perkhidmatan awam dan menjadikan persekitaran perniagaan lebih tangkas serta produktif. Antaranya, Model Kulai Fast Lane mempercepat kelulusan permit pembinaan daripada 24 bulan kepada 14 bulan, menjana pelaburan RM40.7 bilion dan mewujudkan lebih 7,000 pekerjaan. Di samping itu, inisiatif SMARTGPB memendekkan masa pelepasan kastam kepada satu minit berbanding tiga hari, memberi manfaat kepada lebih 2,000 syarikat eksport dan menjimatkan kos pematuhan sehingga RM200 juta setahun. Kejayaan ini mengukuhkan keyakinan sektor swasta terhadap keupayaan sistem penyampaian perkhidmatan awam negara.

Kerjasama strategik dengan pelbagai industri telah diperkukuh, menghasilkan lebih 100 kolaborasi dalam melahirkan bakat berkualiti tinggi. Melalui program bimbingan dan peningkatan kemahiran, lebih 50,000 peserta mendapat manfaat, selaras dengan keperluan industri digital dan inovasi. Usaha ini penting dalam memastikan tenaga kerja negara bersedia menghadapi cabaran ekonomi masa depan.

MPC melalui Nexus Produktiviti terus memacu peningkatan produktiviti syarikat melalui program *Digital Acceleration for Learning and Industry Adoption* (DALIA). Program ini membimbing syarikat melaksanakan penyelesaian digital dan kecerdasan buatan (AI) secara praktikal serta kos efektif melalui kerjasama strategik bersama pihak industri. Sepanjang 2024, sebanyak 132 syarikat menyertai program ini merentas 14 subsektor, dengan impak purata 30 peratus pengurangan kos operasi, 70 peratus penjimatan masa proses dan 20 peratus peningkatan kecekapan. Inisiatif ini berjaya menjana nilai produktiviti keseluruhan berjumlah RM16 juta, sekali gus menyokong usaha nasional ke arah memperkukuh daya saing negara melalui peningkatan produktiviti syarikat, pengukuhan transformasi digital dan pembangunan bakat digital.

Program berimpak tinggi, Akademi Dalam Industri (ADI), yang diperkenalkan pada Ogos 2023 mencatatkan 20,088 permohonan, 4,446 penempatan serta penyertaan 1,164 syarikat sehingga Disember 2024. Ia memperkukuh sinergi antara sektor industri dan institusi pendidikan, serta memperluas peluang pembelajaran berasaskan kerja ke arah melahirkan tenaga mahir dan relevan dengan keperluan pasaran.

Inisiatif *Quality Environment 5.0* (QE 5.0) memberi penekanan kepada kecekapan sumber, pengurangan pembaziran, dan peningkatan persekitaran kerja secara menyeluruh. Melalui aplikasi digitalnya, *QE 5.0 Apps* membantu syarikat menilai serta menambahbaik persekitaran kerja secara sistematik, lestari dan kos efektif. Majlis pra-peluncuran QE 5.0 pada November 2024 menerima sambutan menggalakkan, menzahirkan komitmen industri terhadap pengurusan sumber yang lebih cekap.

Melangkah ke tahun 2025, MPC akan menumpukan usaha untuk:

1. Mempertingkatkan pelaksanaan RKB secara menyeluruh dan bersasar bagi mengurangkan beban pematuhan serta mempercepat transaksi perniagaan;
2. Memacu transformasi digital melalui ekosistem sokongan teknologi dan pembiayaan yang mapan; selaras dengan keperluan untuk meningkatkan kedudukan daya saing negara;
3. Memperkasa bakat berkemahiran tinggi menerusi program bimbingan berteraskan kerjasama industri-akademia; dan
4. Memantapkan kedudukan Malaysia dalam penarafan daya saing global melalui pendekatan responsif, inovatif dan berimpak jangka panjang.

Dari segi tadbir urus dan kedudukan kewangan, MPC kekal berada pada landasan kukuh. Prestasi kewangan 2024 menunjukkan peningkatan lebih operasi berbanding tahun sebelumnya, disokong oleh pengurusan sumber yang berhemah dan berkesan. Pada masa yang sama, MPC mengekalkan pematuhan penuh terhadap Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 dan memperkukuh hala tuju ke arah pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah ISO 37001:2025 bagi memastikan integriti dan kecekapan sistem pengurusan terus terpelihara. Usaha memperkukuh kawalan dalaman, audit berkala dan pemantapan mekanisme pelaporan telah meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan terhadap ketelusan dan akauntabiliti MPC.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia atas sokongan berterusan; Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pasukan pengurusan MPC atas kepimpinan berwibawa; rakan-rakan industri, agensi awam dan swasta atas kolaborasi; serta seluruh warga MPC atas dedikasi dan profesionalisme. Pencapaian tahun 2024 mencerminkan hasil kekuatan kerjasama dan iltizam semua pihak. Ia menjadi asas kukuh untuk melonjakkan produktiviti negara secara lebih inklusif dan mampan.

Sekian, terima kasih.



Datuk Kamaruzzaman bin Johari

Pengerusi

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)




BAB 1

Profil Korporat

1.1 LATAR BELAKANG PENUBUHAN MPC

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ditubuhkan pada tahun 1962 sebagai Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) (*National Productivity Centre*), melalui kerjasama antara Dana Khas Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN Special Fund*) dan Kerajaan Persekutuan Malaysia, dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sebagai agensi pentadbir. Bagi memperkukuhkan peranannya sebagai badan pembangunan produktiviti negara, satu akta khas telah digubal oleh Parlimen pada tahun 1966, iaitu Akta (Memperbadankan) Daya Pengeluaran Negara Bilangan 19. Akta ini kemudiannya dinamakan semula sebagai Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) pada tahun 1995.



Rajah 1.1: Sejarah Penubuhan MPC

Secara keseluruhannya, Akta 408 memberi kuasa kepada MPC untuk menjalankan peranan utama dalam menganalisis, menggalakkan dan meningkatkan produktiviti negara melalui pelbagai program, penyelidikan dan inisiatif yang strategik.

1.2 VISI

Menjadi organisasi peneraju dalam produktiviti dan daya saing ke arah kemakmuran bersama.

1.3 MISI

Menyediakan perkhidmatan berimpak tinggi berdasarkan pemacu utama produktiviti dalam membina ekosistem yang berdaya tahan dan minda produktif ke arah kemakmuran bersama.

1.4 FUNGSI MPC

MPC memacu produktiviti negara secara menyeluruh di peringkat nasional, sektor, dan perusahaan melalui tiga pemacu utama:

1. **Membangunkan Bakat Masa Depan** – Memperkasakan tenaga kerja dengan kemahiran dan kecekapan yang relevan bagi menghadapi cabaran masa depan.
2. **Memacu Pendigitalan dan Inovasi** – Menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi dalam meningkatkan produktiviti serta daya saing.
3. **Membina Ekosistem yang Kukuh** – Mewujudkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan produktiviti melalui dasar, peraturan, dan kerjasama sektor awam-swasta.

MPC bekerjasama dengan sektor awam dan swasta dengan menekankan produktiviti sebagai agenda utama untuk meningkatkan pertumbuhan produktiviti dan daya saing negara, yang akhirnya membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran bersama.


1.5 LEMBAGA PENGARAH MPC

MPC diketuai oleh pasukan Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pemimpin industri dan wakil kerajaan yang berperanan dalam menentukan hala tuju strategik organisasi.




1.6 LEMBAGA PENGURUSAN MPC

Lembaga Pengurusan MPC bertanggungjawab terhadap operasi harian dan pelaksanaan strategi produktiviti negara.



1.7 CARTA ORGANISASI


Rajah 1.2: Carta Organisasi MPC





BAB 2

Tadbir Urus dan Pematuhan



MPC komited dalam memastikan amalan tadbir urus yang baik, pematuhan terhadap undang-undang dan piawaian, serta memperkukuhkan kawalan dalaman bagi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti, dan kecekapan organisasi. Sepanjang tahun 2024, MPC telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang selaras dengan prinsip tadbir urus korporat, termasuk pengukuhan sistem kawalan dalaman, pematuhan terhadap ISO 9001:2015 dan langkah ke arah pensijilan ISO 37001:2025, serta pelaksanaan dasar anti-rasuah dan mekanisme *whistleblowing*. Laporan ini akan merangkumi langkah-langkah yang telah diambil dalam aspek kawalan dalaman dan pengurusan risiko, pematuhan kepada undang-undang dan piawaian, serta pelaksanaan polisi integriti, etika dan tatakelola.

2.1 SISTEM KAWALAN DALAMAN & PENGURUSAN RISIKO

MPC telah memperkukuh sistem kawalan dalaman dengan memastikan pembahagian peranan dalam tadbir urus dilakukan secara sistematik untuk mengelakkan pertindihan tanggungjawab dan memastikan semua bahagian dalam organisasi bertanggungjawab terhadap tugas masing-masing. Selain itu, dasar kawalan dalaman telah diperkenalkan untuk mengurangkan risiko ketirisan dan salah guna kuasa dalam operasi harian. Langkah-langkah pencegahan seperti pemantauan transaksi kewangan, kawalan terhadap akses kepada maklumat sensitif, dan semakan berkala terhadap proses perolehan telah dilaksanakan bagi memastikan kecekapan dan ketelusan dalam semua peringkat pengurusan.

Sebagai sebahagian daripada usaha pemantauan pematuhan dan peningkatan kecekapan, MPC telah menjalankan Audit Dalaman ISO 9001:2015 bagi menilai keberkesanan sistem pengurusan kualiti dalam organisasi. Audit dalaman yang dijalankan pada 5 – 13 Jun 2024 di Ibu Pejabat serta pejabat-pejabat wilayah MPC telah menunjukkan pematuhan penuh terhadap keperluan standard ISO 9001:2015. Manakala, Audit Pematuhan oleh SIRIM pada 5 – 6 Ogos 2024 di Pejabat MPC Pahang dan Pulau Pinang juga mendapati bahawa tiada Ketidakpatuhan (NCR) dilaporkan.

Selain mengekalkan pematuhan terhadap ISO 9001:2015, MPC kini dalam proses ke arah pensijilan ISO 37001:2025 bagi Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS). Pensijilan ini adalah satu langkah strategik dalam memastikan pengurusan organisasi bebas daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Pelaksanaan sistem ini yang dijangka dilaksana sepenuhnya pada tahun 2025, akan melibatkan pemantauan lebih ketat terhadap sebarang transaksi kewangan, mekanisme pelaporan yang lebih efisien, serta penilaian menyeluruh terhadap risiko berkaitan rasuah.

Sebagai tambahan, Unit Audit Dalam MPC turut menjalankan audit berkala ke atas pengurusan aset dan operasi organisasi. Salah satu audit yang dilaksanakan adalah Audit Pengurusan Kenderaan Kerajaan di Pejabat MPC Pahang pada 17 dan 18 September 2024. Audit ini bertujuan menyemak kawalan penggunaan kenderaan kerajaan, peranan pegawai kenderaan, pemandu, kawalan bahan api melalui kad inden, sistem bayaran tol tanpa resit, buku log kenderaan, notis kesalahan lalu lintas, serta pemeriksaan fizikal kenderaan. Hasil audit mendapati bahawa pengurusan kenderaan di Pejabat MPC Pahang berada dalam keadaan baik tanpa sebarang teguran, menunjukkan kecekapan pengurusan aset dalam organisasi. Selain itu, Unit Audit Dalam MPC turut memberikan input penting dalam penyediaan panduan dan prosedur berkaitan perolehan serta kewangan, menangani teguran audit dari Jabatan Audit Negara, dan memastikan pematuhan terhadap pekeliling perbendaharaan yang berkaitan. Usaha ini bertujuan meningkatkan kecekapan, akauntabiliti, serta integriti dalam pelaksanaan tugas oleh warga MPC. (Infografik: Carta skop audit Unit Audit Dalam dan mekanisme kawalan dalaman)

2.2 PEMATUHAN MPC TERHADAP PIAWAIAN DAN PERATURAN

MPC telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan, undang-undang, serta piawaian yang ditetapkan dalam tadbir urus korporat dan operasi organisasi. Langkah-langkah ini ditunjuk dalam rajah di bawah:



Rajah 2.1: Struktur Tadbir Urus dan Amalan Tatakelola MPC

2.3 PENGUKUHAN INTEGRITI DAN KETELUSAN TADBIR URUS

Dalam usaha memperkukuhkan budaya integriti dalam organisasi, MPC telah menguatkuasakan Polisi Antirasuah MPC dan Polisi Percanggahan Kepentingan MPC. Polisi ini bertujuan memastikan semua individu dalam organisasi menjalankan tugas secara profesional dan bebas daripada sebarang bentuk rasuah,

penyalahgunaan kuasa, atau konflik kepentingan. Polisi Percanggahan Kepentingan juga menetapkan garis panduan yang jelas dalam mengendalikan situasi di mana kepentingan peribadi boleh menjejaskan objektiviti dan keadilan dalam membuat keputusan.

Sebagai langkah untuk memastikan keberkesanan dasar integriti ini, MPC telah melaksanakan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi MPC 2021–2025 (OACP MPC), yang merangkumi strategi bagi menangani isu berkaitan rasuah serta garis panduan untuk memperkukuhkan nilai integriti organisasi. Pelan ini turut menetapkan langkah-langkah pengesanan awal bagi mengurangkan risiko salah laku dan disemak semula dalam Bengkel Semakan OACP MPC yang berlangsung pada 9–10 Mei 2024.



Komitmen pengurusan tertinggi Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) terhadap pemerkasaan integriti telah dizahirkan melalui penganjuran Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada 20 Februari 2024 dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Majlis ini melibatkan penyertaan Ketua Pengarah serta 326 warga kerja MPC, sekali gus memperkukuh iltizam organisasi dalam menolak sebarang bentuk salah laku dan mempertingkatkan ketelusan serta akauntabiliti dalam tadbir urus.

Sebagai platform utama pemantauan dan pelaporan inisiatif governans dalaman, Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JTK) MPC telah dilaksanakan secara berkala sepanjang tahun 2024. Mesyuarat ini berfungsi sebagai medan perbincangan berkaitan pelaksanaan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi, penilaian dan pengurusan risiko, keberkesanan pengendalian aduan serta pencapaian aktiviti integriti yang telah dirancang. Antara mesyuarat yang telah diadakan ialah Mesyuarat JTK MPC Bil. 1/2024 pada 7 Mac 2024, yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MPC secara hibrid. Input dan maklum balas yang dibincangkan dalam mesyuarat ini turut dibawa ke peringkat lebih tinggi melalui pembentangan dalam Mesyuarat

Jawatankuasa Tadbir Urus Kementerian (MITI) bagi memastikan tindakan penambahbaikan dapat diselaraskan dan dipantau secara menyeluruh.

Bagi memperkukuh langkah kawalan dalaman, MPC turut melaksanakan Prosedur Pengurusan Aduan dan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat bagi membolehkan kakitangan dan pihak berkepentingan melaporkan sebarang ketidakpatuhan tanpa takut dikenakan



tindakan balas. Polisi ini disokong oleh pelancaran Polisi Pemberi Maklumat pada 7 Jun 2024, sebagai sebahagian daripada pendekatan *whistleblowing* yang memastikan semua aduan disiasat dengan telus dan tindakan sewajarnya diambil.



Sepanjang tahun 2024, pelbagai usaha komunikasi dan pendidikan integriti telah dilaksanakan. Ini termasuk kempen kesedaran berasaskan poster digital yang mengupas topik seperti larangan pemberian hadiah, tatakelola keluar

pejabat, pengurusan sumbangan, serta strategi antirasuah kebangsaan (NACS 2024–2028).

MPC turut menganjurkan beberapa siri ceramah pengukuhan integriti seperti berikut:


- i. “Dosa Rasuah” oleh Prof. Dr. Ridhuan Tee Abdullah (21 Ogos 2024)
- ii. “Psikologi Jenayah Kolar Putih” oleh Coach Azizul Rahman (5 September 2024)
- iii. “Integriti sebagai Penjawat Awam” oleh Ustaz Jafri Mahmoodi (23 Oktober 2024)

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan MPC dalam menyemai budaya kerja beretika dan bertanggungjawab, sejajar dengan aspirasi untuk menjadi agensi produktiviti yang unggul, diyakini dan bebas daripada sebarang unsur salah laku.



Rajah 2.2: Poster Siri Ceramah Pengukuhan Integriti MPC 2024 oleh penceramah profesional dan tokoh awam bagi membudayakan amalan integriti dalam MPC

MPC terus mengukuhkan asas tadbir urus organisasi melalui pelaksanaan kawalan dalaman yang mantap, pematuhan kepada piawaian perundangan dan kualiti, serta penerapan nilai integriti secara menyeluruh. Pendekatan ini diperkukuh dengan pelaksanaan audit berkala, pengurusan risiko berstruktur, penguatkuasaan polisi antirasuah dan percanggahan kepentingan, serta penglibatan aktif warga kerja dalam program pendidikan dan kesedaran integriti. Gabungan langkah ini memperteguh kepercayaan pihak berkepentingan terhadap MPC sebagai sebuah organisasi yang telus, berakauntabiliti tinggi dan berperanan penting dalam menjayakan agenda produktiviti negara.



BAB 3

Laporan Kewangan dan Sumber Dana Kerajaan

3.1 RINGKASAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, prestasi kewangan keseluruhan MPC menunjukkan peningkatan yang positif berbanding tahun sebelumnya. Jumlah terimaan keseluruhan meningkat sebanyak RM3.09 juta atau 4.26 peratus, daripada RM72.48 juta pada tahun 2023 kepada RM75.57 juta pada tahun 2024. Pertumbuhan ini disokong oleh kenaikan terimaan geran kerajaan dan lonjakan hasil daripada sumber bukan kerajaan.

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan adalah RM72.66 juta, satu kenaikan terkawal sebanyak RM1.14 juta (1.59 peratus) berbanding RM71.52 juta pada tahun 2023.

Secara keseluruhan, MPC berjaya mencatatkan Lebihan Geran dan Terimaan Operasi sebanyak RM2.91 juta. Angka ini menunjukkan peningkatan prestasi yang signifikan sebanyak 203.03 peratus berbanding lebihan RM0.96 juta pada tahun sebelumnya.

3.1.1 ANALISIS TERIMAAN

3.1.1.1 Terimaan Kerajaan

Jumlah terimaan daripada kerajaan mencatatkan pertumbuhan sebanyak RM1.94 juta (2.82 peratus), meningkat daripada RM68.88 juta (2023) kepada RM70.82 juta (2024). Peningkatan ini menandakan keyakinan dan sokongan berterusan kerajaan terhadap mandat dan inisiatif strategik yang diterajui oleh MPC.

3.1.1.2 Terimaan Bukan Kerajaan

Prestasi terimaan bukan kerajaan menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 31.86 peratus, meningkat daripada RM3.60 juta (2023) kepada RM4.75 juta (2024).

Pertumbuhan ini didorong oleh komponen-komponen utama berikut:

- i. Faedah Deposit Tetap meningkat sebanyak RM948,206 (42.52 peratus), didorong oleh pengurusan dana yang cekap dan strategi pelaburan yang berkesan.
- ii. Sewaan juga meningkat sebanyak RM132,005 (43.41 peratus), disumbangkan oleh peningkatan penggunaan kemudahan MPC
- iii. Yuran Latihan, Perundingan, Penyelidikan dan Pensijilan naik sebanyak RM88,114 (11.17 peratus), selari dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan MPC.
- iv. Pendapatan lain seperti Faedah Pinjaman, Faedah Bank, dan Pelbagai Pendapatan turut menyumbang kepada pertumbuhan positif.

Peningkatan terimaan bukan kerajaan sejajar dengan aspirasi MPC untuk memperkukuh kemampuan kewangan dan meningkatkan keupayaan janaan hasil bagi menyokong inisiatif produktiviti nasional.

3.1.2 ANALISIS PERBELANJAAN OPERASI

Walaupun jumlah perbelanjaan operasi meningkat secara marginal sebanyak 1.59 peratus kepada RM72.66 juta, MPC telah berjaya menguruskan kenaikan ini secara terkawal melalui amalan perbelanjaan berhemat dan pengurusan kos yang strategik.

3.1.2.1 Komponen Utama Perbelanjaan


- i. Emolumen meningkat sebanyak RM609,810 (2.42 peratus), selaras dengan keperluan sumber manusia dan pelarasan kos sara hidup.
- ii. Sewaan mencatatkan peningkatan besar sebanyak RM4.09 juta (215.44 peratus), disebabkan oleh perjanjian sewaan baharu bagi kemudahan pejabat dan operasi strategik.
- iii. Perbelanjaan Pembangunan juga meningkat sebanyak RM845,634 (3.64 peratus), mencerminkan komitmen berterusan terhadap pelaksanaan projek dan program strategik jangka panjang.

3.1.2.2 Inisiatif Pengoptimuman Perbelanjaan

Beberapa kategori perbelanjaan menunjukkan penurunan ketara membuktikan keberkesanan inisiatif kawalan kos yang dilaksanakan:

- Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti menurun sebanyak RM2.10 juta (22.14 peratus), hasil daripada langkah pengoptimuman kos dan pemerkasaan kepakaran dalaman MPC.
- Penyelenggaraan dan Pembaikan, Bekalan dan Alatan, serta Perkhidmatan Percetakan turut mencatatkan pengurangan, menggambarkan kawalan perbelanjaan yang berkesan.

Graf 3.1: Ringkasan Penyata Prestasi Kewangan MPC bagi Tahun 2024



Secara keseluruhan, kedudukan kewangan MPC bagi tahun 2024 kekal kukuh dan stabil. Pertumbuhan terimaan bukan Kerajaan yang memberangsangkan mencerminkan kematangan strategi kewangan MPC, manakala lebih operasi yang ketara adalah bukti pengurusan kos yang cekap dan berkesan.

Prestasi ini meletakkan MPC pada landasan yang kukuh untuk terus memacu agenda produktiviti negara, dengan disokong oleh asas kewangan yang stabil dan mampan bagi menghadapi cabaran masa hadapan.

3.2 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 menunjukkan gambaran menyeluruh mengenai kedudukan aset, liabiliti, dan ekuiti MPC berbanding

tahun sebelumnya. Analisis ini bertujuan menilai prestasi kewangan, kecekapan pengurusan sumber, serta tahap keupayaan organisasi dalam mengekalkan kestabilan kewangan bagi tempoh jangka panjang.

3.2.1 ASET

Pada tahun 2024, jumlah aset keseluruhan mencatatkan sebanyak RM114.71 juta, berbanding RM119.66 juta pada tahun 2023 menunjukkan penurunan sebanyak RM4.95 juta atau 4.14 peratus. **Penurunan ini didorong oleh:**

- i. Aset Semasa menurun sebanyak RM5.95 juta (6.11 peratus), daripada RM97.30 juta kepada RM91.35 juta. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penggunaan strategik tunai untuk melunaskan komitmen jangka pendek dan pengurusan kutipan penghutang yang lebih efisien; manakala
- ii. Aset Bukan Semasa mencatatkan pertumbuhan sebanyak RM0.99 juta (4.45 peratus), daripada RM22.37 juta kepada RM23.36 juta. Peningkatan ini mencerminkan pelaburan semula dalam harta modal dan aset tetap strategik yang akan menyokong kapasiti operasi masa hadapan.

3.2.2 LIABILITI

MPC berjaya melaksanakan pengurusan kewangan yang berhemat apabila jumlah liabiliti keseluruhan menurun sebanyak RM7.86 juta (10.47 peratus), iaitu daripada RM75.08 juta pada tahun 2023 kepada RM67.22 juta pada tahun 2024.

Pengurangan ini mencerminkan usaha berterusan MPC dalam mengurus obligasi dengan lebih cekap, sekali gus mengurangkan risiko kewangan serta mengukuhkan kedudukan fiskal Perbadanan.

Penurunan ini dapat diperincikan seperti berikut:


- Liabiliti Semasa menurun ketara sebanyak RM4.57 juta (37.04 peratus), daripada RM12.33 juta kepada RM7.77 juta. Ini menunjukkan pengurusan aliran tunai yang berhemat dan keupayaan untuk menyelesaikan komitmen jangka pendek dengan baik, sekali gus meningkatkan kecairan organisasi; dan

- Liabiliti Bukan Semasa turut berkurang sebanyak RM3.29 juta (5.24 peratus), daripada RM62.75 juta kepada RM59.46 juta, mencerminkan keupayaan organisasi mengurangkan tanggungan jangka panjang melalui pembayaran balik pinjaman atau penyusunan semula komitmen kewangan.

3.2.3 EKUITI / ASET BERSIH

Jumlah Aset Bersih atau Ekuiti telah meningkat daripada RM44.58 juta kepada RM47.49 juta, iaitu peningkatan RM2.91 juta (6.52 peratus). Peningkatan ini didorong oleh pertambahan dalam Rizab Mengurus, yang meningkat daripada RM34.61 juta kepada RM37.52 juta, hasil daripada lebih pendapatan berbanding perbelanjaan operasi sepanjang tahun 2024. Komponen lain seperti Rizab Penilaian Semula Tanah (RM7.67 juta), Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (RM2.00 juta), dan Kumpulan Wang Pinjaman Komputer (RM0.30 juta) kekal pada paras yang sama seperti tahun sebelumnya.

Graf 3.2: Penyata Kedudukan Kewangan MPC Mengikut Aset, Liabiliti dan Ekuiti bagi Tahun 2023 dan 2024



3.2.4 ANALISIS DAN RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan MPC bagi tahun 2024 kekal stabil dan berdaya tahan. Walaupun jumlah aset mencatatkan sedikit penurunan, pengurangan

liabiliti yang signifikan serta peningkatan dalam rizab pengurusan menunjukkan bahawa MPC masih mengekalkan tahap kecairan dan keupayaan kewangan yang kukuh.

MPC juga terus memberi tumpuan kepada pengurusan sumber yang berhemah dan cekap serta pengukuhan struktur kewangan, bagi memastikan kesinambungan operasi dan keupayaan menyokong matlamat strategik jangka panjang MPC.

3.3 PENEMUAN AUDIT DAN SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Penyata Kewangan MPC bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara, dan telah menerima pendapat tanpa teguran (unqualified opinion) seperti yang dinyatakan dalam Sijil Ketua Audit Negara bertarikh 29 Oktober 2025. Ini mengesahkan bahawa penyata kewangan MPC memberikan gambaran yang benar dan saksama serta telah disediakan mengikut piawaian perakaunan sektor awam.

Namun begitu, Ketua Audit Negara telah menarik perhatian kepada dua perkara yang memerlukan perhatian dan tindakan susulan daripada pihak MPC, iaitu:

1. **Baki geran projek berjumlah RM1,018,329** yang berstatus selesai dan tidak menunjukkan sebarang pergerakan sejak tahun 2018 hingga 2022. MPC disarankan untuk mengambil tindakan segera bagi menyusuli baki tersebut serta mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MoF) melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2, Perenggan 10.2.3.
2. **Perekodan transaksi perbelanjaan** perlu dipastikan direkodkan dalam tahun kewangan sebenar ia berlaku dan diakru mengikut tempoh sebenar, selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 14 – *Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan*.

Secara keseluruhannya, penerimaan sijil audit ini mencerminkan komitmen MPC terhadap tadbir urus kewangan yang baik, ketelusan, serta pematuhan berterusan terhadap prinsip akauntabiliti dalam pengurusan sumber awam.



BAB 4

Keberhasilan dan Kejayaan Program MPC 2024

4.1 PRESTASI KPI UTAMA DAN PENCAPAIAN STRATEGIK

Tahun 2024 menyaksikan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) berjaya mencapai hampir kesemua indikator prestasi utama (KPI) strategik yang ditetapkan, merangkumi aspek kewangan, impak pelanggan, kecekapan proses, dan pembangunan kapasiti dalaman. Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan kecekapan pelaksanaan operasi MPC, malah memperkukuh peranannya sebagai agensi utama dalam menjayakan agenda produktiviti dan reformasi negara.

Jadual 4.1: Prestasi Pencapaian KPI Utama MPC Tahun 2024

PERSPEKTIF	PETUNJUK PRESTASI		SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS (%)
1. KEWANGAN	1.	Penciptaan Nilai dijana (RM)	RM4.29 bilion	RM4.59 bilion	107
	2.	<i>PR Value</i> (RM)	RM25 juta	RM28.9 juta	115
2. PELANGGAN	3.	Bil. Organisasi yang Mengambil Bahagian Dalam Program MPC	43,000	42,084	97
	4.	Bil. Peserta yang Mengambil Bahagian Dalam Program MPC	74,000	70,652	95
3. PROSES	5.	Bil. Projek Peningkatan Kemahiran Bakat	200	225	113
	6.	Bil. Projek Peningkatan Kecekapan Enterpris melalui Pengurusan dan Teknologi	200	200	100
	7.	Bil. Projek Peningkatan Kecekapan Peraturan dan Polisi	200	196	98

PERSPEKTIF	PETUNJUK PRESTASI		SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS (%)
4. PEMBANGUNAN DIRI	8.	Bil. Program Pengukuhan Produktiviti Kepada Warga	20	32	160
	9.	Purata Masa Latihan Warga	40 jam	48 jam	120

Dari segi kewangan, MPC berjaya menjana nilai penciptaan sebanyak RM4.59 bilion, melepasi sasaran tahunan sebanyak RM4.29 bilion (107 peratus), manakala nilai liputan media (PR Value) mencapai RM28.9 juta, iaitu 115 peratus daripada sasaran. Dari aspek capaian dan impak pelanggan, sebanyak 42,084 organisasi telah terlibat dalam program MPC (97 peratus sasaran) dan 70,652 peserta menyertai pelbagai inisiatif (95 peratus sasaran).

Dalam aspek pelaksanaan program, MPC telah melaksanakan 225 projek peningkatan kemahiran bakat (113 peratus), 200 projek kecekapan enterpris (100 peratus) dan 196 projek reformasi peraturan (98 peratus). Komitmen terhadap pembangunan dalaman turut menyerlah dengan 32 program pengukuhan organisasi (160 peratus) dan purata 48 jam latihan per individu (120 peratus). Secara keseluruhan, pencapaian ini mencerminkan keupayaan MPC melaksanakan mandatnya secara efektif, menyumbang secara langsung kepada pemerkasaan produktiviti nasional dan penyampaian perkhidmatan awam berprestasi tinggi selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

Seterusnya, bagi mempertingkatkan pemahaman rakyat terhadap usaha kerajaan dalam mereformasi perkhidmatan awam, MPC bersama Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) telah menganjurkan Program 2 Tahun Kerajaan Madani (2TM) dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 dari 22 hingga 24 November 2024 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Program ini memfokuskan kepada ketelusan dan mengukuhkan kepercayaan rakyat, selaras dengan aspirasi Perdana Menteri untuk mencapai matlamat perkhidmatan awam berprestasi tinggi seperti yang termaktub dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030. Acara bertemakan "*MADANI di Hati, Rakyat Disantuni*" ini menarik

lebih 200,000
pengunjung,
menunjukkan
keterbukaan
kerajaan
dalam
mendekati
rakyat serta
menyalurkan
maklumat
mengenai
usaha yang



telah dan sedang dilaksanakan dalam sektor ekonomi, sosial, dan pentadbiran.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif reformasi perkhidmatan awam, Rang Undang-Undang (RUU) Iltizam Kecekapan Pentadbiran Awam telah diperkenalkan dengan penekanan kepada peningkatan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Seiring dengan peluncuran RUU tersebut, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menganjurkan Sesi Memantapkan Maklumat Penyampaian pada 7 hingga 9 Oktober 2024 bertempat di Subang Jaya bagi memastikan pemahaman yang jelas dan penyelarasan maklumat dalam kalangan pihak berkepentingan. RUU Iltizam ini dirangka berasaskan tiga anjakan utama yang menjadi teras kepada pembaharuan pentadbiran awam, seperti yang digambarkan dalam Rajah 4.2.





Mengurangkan Birokrasi: Menyemak dan menambah baik peraturan yang telah usang atau tidak lagi relevan untuk memudahkan proses pentadbiran.



Mempercepatkan Proses Penyampaian Perkhidmatan: Memastikan perkhidmatan disampaikan dengan lebih pantas dan efektif.



Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Awam: Memperbaiki kualiti perkhidmatan awam bagi memenuhi kehendak rakyat.

Rajah 4.2: Tiga Anjakan Utama RUU Itizam

MPC memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan RUU ini melalui beberapa inisiatif utama:

- **Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB):** MPC bertindak sebagai pemudahcara dalam melaksanakan projek-projek RKB yang bertujuan untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.
- **Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR):** MPC berperanan mengkaji peraturan yang boleh memendekkan proses kelulusan untuk kemudahan rakyat, peniaga, dan pelabur.
- **Sesi Libat Urus dan Penyediaan Dokumen ITIZAM:** MPC telah terlibat dalam sesi penyediaan dokumen ITIZAM dan sesi libat urus kajian undang-undang serta penggubalan Akta Itizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025.

4.2 REFORMASI KERENAH BIROKRASI (RKB): MEMPERCEPAT URUS NIAGA & MENYOKONG DAYA SAING NEGARA

Sepanjang tahun 2024, MPC telah menerajui pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) sebagai antara teras utama agenda reformasi perkhidmatan awam dan peningkatan ekosistem perniagaan negara. Inisiatif ini bertujuan menyemak dan menambah baik peraturan serta proses pentadbiran yang menghalang pertumbuhan produktiviti, menambah kos pematuhan, dan melemahkan daya saing nasional.

Sebanyak 200 projek RKB telah berjaya dilaksanakan, hasil pemudah cara, fasilitasi teknikal, dan pemantauan berterusan oleh MPC bersama agensi-agensi berkaitan.

Selaras dengan usaha tersebut, pelaksanaan Uji Kaji Peraturan telah diperkenalkan secara rasmi melalui Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2024, yang dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, pada 24 November 2024. Pekeliling ini membolehkan peraturan baharu atau sedia ada diuji dalam skala terhad

untuk menilai impak sebenar terhadap kumpulan sasaran sebelum diperluaskan secara menyeluruh. MPC telah diberi mandat untuk menyokong pelaksanaan uji kaji ini, termasuk dalam membantu agensi



mengenal pasti peraturan yang membebankan sektor industri, merangka pendekatan pelaksanaan bersasar, dan menilai hasil terhadap peningkatan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan.

Dalam memastikan impak menyeluruh dan pengukuran yang berasaskan hasil, MPC memainkan peranan utama dalam mereka bentuk aliran kerja baharu, membangunkan indikator keberhasilan reformasi, serta menyelaras sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan. Dua inisiatif paling menonjol yang memberi impak besar kepada industri sepanjang tahun ini ialah SMART GPB dan Model Kulai Fast Lane (KFL).

4.2.1 SMART GPB: Transformasi Proses Pelepasan oleh MPC dan JKDM

Sebagai pemacu reformasi logistik dan perdagangan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah melaksanakan projek SMARTGPB, iaitu satu inisiatif berimpak tinggi yang menyasarkan pemodenan proses pelepasan barangan di Gudang Pengilangan Berlesen (GPB). Sebelum pelaksanaan inisiatif ini, proses pelepasan barangan di

GPB lazimnya mengambil masa melebihi tiga hari berikutan kebergantungan kepada prosedur manual serta kekangan sistem antara agensi. Melalui penerapan automasi digital dan integrasi sistem secara menyeluruh, masa pemprosesan telah berjaya dipendekkan secara signifikan kepada hanya satu minit, sekali gus meningkatkan kelancaran rantai bekalan serta kecekapan perdagangan negara.

Selain mempercepatkan proses pelepasan barangan, pelaksanaan projek SMARTGPB turut menjana impak ekonomi yang ketara apabila kos pematuhan tahunan berjaya dikurangkan sebanyak RM210 juta, sekali gus memberi manfaat langsung kepada lebih 2,000 syarikat eksport di seluruh negara. Kejayaan ini mencerminkan keberkesanan pendekatan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) yang diterajui oleh MPC dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor strategik



negara. Sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian ini, sijil khas telah disampaikan kepada JKDM dan Malaysia Semiconductor Industry Association (MSIA) pada 24 November 2024 atas kejayaan pelaksanaan projek SMARTGPB.

Sorotan Impak SMARTGPB

Reformasi logistik yang mempercepat eksport dan mengurangkan kos pematuhan

 RM210 juta setahun → Penjimatan kos pematuhan bagi syarikat eksport

 1 minit sahaja → Masa pelepasan barangan GPB (sebelum ini lebih 3 hari)

 >2,000 syarikat eksport → Mendapat manfaat langsung daripada reformasi ini

Rajah 4.3: Sorotan impak projek SMARTGPB hasil kolaborasi MPC dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk pemodenan logistik dan perdagangan

4.2.2 Model Kulai Fast Lane (KFL): Pemodenan PBT oleh MPC dan MPKu

Di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dalam melaksanakan Model Kulai Fast Lane (KFL), iaitu satu pendekatan reformasi berstruktur bagi mempercepatkan proses kelulusan pembangunan. Sebelum pelaksanaan KFL, tempoh kelulusan di MPKu boleh mengambil masa sehingga 24 bulan atau lebih, sekali gus menyebabkan kelewatan projek, peningkatan kos kepada pelabur serta ketidaktentuan dalam perancangan pembangunan. Melalui pemetaan semula proses dalaman, penyelarasan antara agensi teknikal serta pengenalan



indikator keberhasilan yang jelas, MPC telah membantu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan MPKu ke tahap yang lebih pantas dan responsif. Kejayaan pelaksanaan Model KFL ini turut menarik perhatian kepimpinan tertinggi perkhidmatan awam, apabila

YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Kulai pada 17 Ogos 2024 bagi meninjau pelaksanaan inisiatif tersebut, bersama YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor; YBhg. Fizwan Dato' Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai; YBhg. Mohd Fahmi Salam, Yang Dipertua MPKu; serta Encik Zahid bin Ismail, Ketua Pengarah MPC.

Hasil pelaksanaan KFL amat memberangsangkan. Tempoh kelulusan pembangunan berjaya dipendekkan kepada 14 bulan, seterusnya membuka ruang kepada peningkatan pelaburan yang mencecah lebih RM40.7 bilion. Inisiatif ini turut berjaya mewujudkan lebih 7,000 peluang pekerjaan dan meningkatkan hasil pihak berkuasa tempatan sebanyak 40 peratus, dengan kutipan mencecah RM161 juta. Kejayaan ini menjadikan KFL sebagai model penanda aras reformasi pentadbiran di peringkat PBT dan kini sedang diperluaskan ke lebih 20 PBT lain di seluruh negara. Ia juga telah menjadi asas kepada pelaksanaan Johor Super Lane (JSL), sebuah inisiatif berskala negeri yang mengadaptasi prinsip yang sama bagi mempercepat pembangunan dan memperkukuh ekosistem pelaburan Johor.

Sorotan Impak Model Kulai Fast Lane (KFL)

-  14 bulan – Tempoh kelulusan pembangunan dipendekkan (dari 24 bulan)
-  RM40.7 bilion – Nilai pelaburan diluluskan hasil pelaksanaan KFL
-  7,000 peluang pekerjaan – Dicipta dalam sektor berintensif pelaburan
-  +40 peratus hasil PBT – Kenaikan hasil MPKu mencecah RM161 juta
-  *Model ini kini dijadikan penanda aras nasional dan diperluaskan melalui inisiatif Johor Super Lane (JSL).*

Rajah 4.4: Sorotan impak Model KFL yang dilaksanakan bersama MPC dan MPKu di bawah inisiatif RKB

4.3 MEMPERKUKUH PERKAITAN GAJI DAN PRODUKTIVITI MELALUI DASAR GAJI PROGRESIF (DGP) DAN INISIATIF REKA BENTUK PEKERJAAN (JOB REDESIGN)

Sepanjang tahun 2024, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah memperkukuh pelaksanaan Dasar Gaji Progresif (DGP) sebagai salah satu inisiatif utama kerajaan dalam merealisasikan struktur gaji yang lebih adil dan sejajar dengan pertumbuhan produktiviti pekerja. DGP diperkenalkan sebagai pelengkap kepada dasar sedia ada seperti Perintah Gaji Minimum (PGM) dan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti, dengan memberi tumpuan kepada kenaikan gaji berasaskan peningkatan kemahiran, nilai tambah dan prestasi kerja. Inisiatif ini turut menyokong matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi, selaras dengan keperluan tenaga kerja berkemahiran serta peningkatan penggunaan teknologi dan inovasi dalam sektor pekerjaan.

4.3.1 Peranan MPC dalam Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif (DGP)

MPC memainkan peranan penting sebagai agensi teknikal dalam pelaksanaan DGP dan telah dilantik sebagai ahli dalam empat jawatankuasa utama, iaitu:

1. **Jawatankuasa Eksekutif Pelaksanaan DGP** – menyelaras pelaksanaan dasar, termasuk memantau kemajuan pelaksanaan DGP, menyemak kemas kini teknikal, dan memastikan hasil dasar sejajar dengan objektif peningkatan gaji berasaskan produktiviti.
2. **Jawatankuasa Kerja Pembangunan Dasar** – bertanggungjawab menggubal dan menambah baik rangka kerja serta garis panduan pelaksanaan DGP.
3. **Jawatankuasa Peningkatan Kemahiran dan Produktiviti:** merancang program peningkatan kemahiran pekerja dan pepadanan produktiviti.
4. **Jawatankuasa Cadangan Panduan Gaji Permulaan dan Kenaikan Gaji Tahunan:** menyediakan model penetapan kadar gaji permulaan dan semakan tahunan yang selaras dengan keupayaan firma dan tahap kemahiran.

Selain itu, MPC turut menyumbang kepada penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan DGP yang menjadi rujukan utama bagi syarikat dalam menstrukturkan gaji berdasarkan peningkatan kemahiran dan produktiviti. Untuk memastikan pelaksanaan

dasar ini dilaksanakan secara sistematik, MPC bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi membangunkan sistem pemantauan dan penilaian impak terhadap pasaran buruh dan daya saing perniagaan.

4.3.2 Penegasan Kepimpinan Nasional terhadap Produktiviti dan DGP

Dalam pembentangan Belanjawan 2025, YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa peningkatan produktiviti adalah kunci utama kepada pertumbuhan gaji dan kecekapan sektor awam serta swasta. Penekanan turut diberikan kepada bagaimana pekerja perlu dibayar setimpal dengan kemahiran dan kelayakan mereka, serta penyelarasan gaji mesti adil dan kompetitif bagi mengelakkan kehilangan bakat. Program peningkatan kemahiran dan pemahiran semula yang menyokong pelaksanaan DGP akan membantu pekerja menjana nilai yang lebih tinggi kepada syarikat dan negara, sejajar dengan aspirasi untuk memperkukuh kesejahteraan tenaga kerja serta produktiviti nasional.

4.3.3 Kerjasama Strategik dan Pembelajaran Antarabangsa

Bagi memperkukuh pelaksanaan DGP, MPC telah menjalinkan kerjasama strategik dengan *Singapore National Employers Federation* (SNEF), sebuah institusi yang diiktiraf atas kepakaran dalam bidang buruh dan pelaksanaan *Progressive Wage Model* (PWM) di Singapura. Melalui Program Pembangunan Kapasiti bagi Memacu Pertumbuhan Produktiviti melalui Dasar Gaji Progresif yang diadakan pada 27 hingga 29 Februari 2024 di Putrajaya, wakil kementerian, agensi dan industri telah berpeluang mempelajari prinsip utama PWM serta meneroka strategi penyesuaiannya dalam konteks Malaysia.

Hasil program ini, peserta dapat memahami komponen teras PWM dan menilai pendekatan yang sesuai untuk diadaptasi mengikut struktur ekonomi dan dinamik industri tempatan, sekali gus menyokong pembangunan rangka kerja gaji progresif yang selaras dengan aspirasi RMKe-12, NIMP 2030 dan Ekonomi MADANI.

Perkongsian pengalaman ini memberi rujukan penting dalam pembangunan rangka kerja gaji progresif Malaysia yang selaras dengan matlamat produktiviti dan keadilan sosial di bawah RMKe-12, New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030) dan Ekonomi MADANI.



4.3.4 Inisiatif Reka Bentuk Pekerjaan (*Job Redesign*)

Bagi memastikan peningkatan gaji sejajar dengan pertumbuhan produktiviti di peringkat firma, MPC memperkenalkan inisiatif Reka Bentuk Pekerjaan (*Job Redesign* – JRD) sebagai pelengkap kepada DGP. Inisiatif awal JRD ini dilaksanakan melalui program kesedaran dan pembangunan kapasiti kepada pemegang taruh dan industri bagi membantu syarikat meningkatkan kecekapan kerja, mengoptimumkan proses, menerapkan teknologi serta memperkukuh kemahiran pekerja. Melalui bimbingan JRD, syarikat digalakkan menilai semula struktur kerja, fungsi tugas dan mekanisme ganjaran agar lebih sejajar dengan tahap produktiviti sebenar.

Gabungan pelaksanaan Dasar Gaji Progresif (DGP), perkongsian amalan terbaik PWM bersama SNEF, serta inisiatif JRD yang diterajui MPC membentuk satu ekosistem gaji dan produktiviti berasaskan data dan bukti (*data-driven*) yang holistik. Ekosistem ini menyokong pelaksanaan sistem ganjaran yang lebih adil, menggalakkan peningkatan kemahiran tenaga kerja, serta memperkukuh daya saing nasional — seiring aspirasi Ekonomi MADANI, NIMP 2030, dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) ke arah menjadikan Malaysia sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dan berasaskan produktiviti.

4.4 AKADEMI DALAM INDUSTRI (ADI): MENYEPADUKAN PENINGKATAN KEMAHIRAN DENGAN PRODUKTIVITI NASIONAL

Peningkatan kemahiran tenaga kerja merupakan asas utama dalam memperkukuh produktiviti negara. Dalam era ekonomi berasaskan teknologi dan inovasi, keupayaan pekerja menyesuaikan kemahiran mengikut keperluan industri menjadi penentu daya saing Malaysia. Pendekatan *high skill to high productivity* membuktikan bahawa pelaburan dalam kemahiran bukan sahaja meningkatkan kebolehpayaan individu, tetapi turut memacu produktiviti dan prestasi organisasi.

Sehubungan itu, Akademi Dalam Industri (ADI) diperkenalkan sebagai inisiatif nasional untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan bernilai tambah. Ia menandakan peralihan fokus daripada kelulusan akademik semata-mata kepada penguasaan kemahiran sebenar yang selari dengan keperluan pasaran kerja. ADI mengaplikasikan model Work-Integrated Learning (WIL), di mana 80 peratus latihan dijalankan di tempat kerja sebenar dan 20 peratus di pusat pembelajaran. Pendekatan ini memastikan kemahiran yang diperoleh terus diterjemahkan kepada peningkatan prestasi kerja dan kecekapan operasi.

Pelaksanaan ADI bukan sahaja meningkatkan tahap kompetensi tenaga kerja tempatan, malah mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Kewujudan tenaga kerja mahir yang berdaya saing turut membuka peluang kepada peningkatan upah selari dengan produktiviti. Langkah ini menyumbang kepada pembentukan struktur ekonomi lebih mampan, di samping memacu pertumbuhan sektor bernilai tinggi seperti Kecerdasan Buatan, Semikonduktor dan Teknologi Hijau.

Sepanjang tahun 2024, ADI mencatatkan 20,088 penyertaan bakat merentas pelbagai sektor industri, mencerminkan keyakinan tinggi industri terhadap model latihan berasaskan pekerjaan ini serta mengukuhkan peranannya sebagai platform pembangunan bakat nasional. Inisiatif ini menyokong sasaran Ekonomi Madani untuk meningkatkan kadar tenaga kerja mahir kepada 40% menjelang 2030, berbanding sekitar 30% pada 2024, selain memperkukuh usaha meningkatkan purata tahun persekolahan nasional daripada 10.9 tahun kepada 12.7 tahun menjelang 2033 melalui laluan persijilan dan peningkatan kemahiran berstruktur yang menyumbang kepada produktiviti dan daya saing tenaga kerja masa hadapan.

Secara keseluruhannya, ADI mewujudkan satu kitaran pembangunan produktiviti yang berterusan, di mana kemahiran memacu produktiviti, produktiviti meningkatkan pendapatan, dan peningkatan pendapatan memperkukuh kesejahteraan tenaga kerja serta daya saing negara. Ia menandakan perubahan penting daripada kebergantungan kepada pendidikan formal semata-mata kepada pembangunan kemahiran yang benar-benar diiktiraf dan diperlukan oleh industri. Justeru, ADI merupakan platform strategik dalam membentuk tenaga kerja Malaysia yang kompeten, inovatif dan berdaya saing untuk mendepani cabaran ekonomi masa hadapan.

4.4.1 Kejayaan Akademi Dalam Industri (ADI) Dalam Melahirkan Graduan yang Berkemahiran Tinggi



Majlis Graduasi Akademi Dalam Industri 2024 (Sektor Automotif) yang berlangsung pada 11 Mei 2024 telah disempurnakan oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri dan ia

merupakan satu detik bersejarah dalam usaha negara memperkukuh pembangunan kemahiran tenaga kerja berteraskan industri. Majlis ini menghimpunkan 94 belia

tempatan kohort pertama yang telah berjaya menamatkan program kemahiran dalam pekerjaan di bawah inisiatif Akademi Dalam Industri (ADI), sebuah program yang dirancang bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta bersedia menghadapi keperluan industri automotif masa kini dan masa hadapan. Majlis turut dihadiri oleh Tan Sri Syed Faisal Albar, Pengarah Urusan Kumpulan, DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM). Kesemua penerima sijil merupakan pekerja anak Syarikat Kumpulan DRB-HICOM termasuk syarikat PHN Industry Sdn Bhd, HICOM Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn Bhd dan HICOM-Teck See Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd yang menjalani program tersebut dalam bidang Kejuruteraan Automasi Industri dan Kawalan Kualiti Industri.

Kejayaan 94 belia memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 setelah tamat tempoh 12 bulan ini melakar sejarah baharu bagi sektor pendidikan Negara, terutamanya pendidikan yang menitikberatkan kemahiran yang benar-benar diperlukan oleh pihak industri. Matlamat program adalah untuk membangunkan bakat tempatan masa hadapan yang mampan dan berkemahiran berdasarkan keperluan industri. Ia akan merapatkan jurang antara bekalan tenaga kerja dan permintaan serta mengurangkan kebergantungan pekerja asing berkemahiran rendah.

Pelaksanaan ADI bagi sektor automotif memberi penekanan kepada pendekatan Work-Integrated Learning (WIL), di mana sebahagian besar latihan dijalankan di tempat kerja sebenar bersama pemain industri. Pendekatan ini memastikan setiap peserta bukan sahaja menguasai pengetahuan teknikal, malah memahami tatacara operasi, disiplin kerja dan budaya profesional yang diperlukan dalam sektor automotif moden yang semakin dipacu teknologi, automasi dan inovasi.

Graduan yang diraikan pada hari ini merupakan kumpulan tenaga kerja yang berjaya melalui proses pembelajaran intensif yang menggabungkan teori dan amali industri. Mereka kini mempunyai kemahiran bernilai tambah, termasuk kemampuan menangani peralatan berteknologi tinggi, penyelenggaraan sistem automotif moden serta kefahaman terhadap piawaian kualiti dan keselamatan dalam sektor ini. Keupayaan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran mereka, tetapi turut menyumbang kepada pengukuhan keupayaan industri automotif negara.

4.5 REFORMASI DAN KEDUDUKAN DAYA SAING NEGARA

Sepanjang tahun 2024, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Walaupun Malaysia mengalami penurunan dalam IMD *World Competitiveness Ranking* (WCR) 2024, MPC telah mengambil langkah proaktif melalui kerjasama dengan sektor awam dan swasta, perkongsian teknologi, pemindahan pengetahuan, serta penyertaan dalam program antarabangsa.

Pada tahun yang sama, Malaysia jatuh tujuh anak tangga ke kedudukan ke-34 daripada 67 negara dalam IMD *World Competitiveness Ranking*. Ini menandakan penurunan empat tempat ke kedudukan ke-10 daripada 14 negara di Asia Pasifik, di belakang Thailand (25) dan Indonesia (27). Penurunan ini disebabkan oleh kelemahan dalam faktor seperti prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, dan kecekapan perniagaan. Walau bagaimanapun, Malaysia mengekalkan kedudukan dalam faktor infrastruktur.

Bagi memperkukuh daya saing negara, Jawatankuasa Daya Saing Negara (JKDSN) telah ditubuhkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama Menteri MITI dan Menteri Kewangan II dengan penglibatan pelbagai kementerian, agensi kerajaan serta organisasi berkaitan, manakala MPC bertindak sebagai sekretariat utama. Penubuhan JKDSN memberi fokus kepada analisis kelemahan indikator global, penetapan tindakan pembaharuan serta penyelarasan pelaksanaan reformasi bagi memperbaiki kedudukan Malaysia dalam penarafan antarabangsa.

Sebagai sekretariat, MPC menyelaraskan pengumpulan data bagi indikator persepsi dan bukan persepsi, menjalankan analisis komprehensif prestasi daya saing serta

merangka cadangan intervensi berasaskan bukti. Analisis awal menunjukkan peningkatan prestasi bagi sejumlah besar indikator, menggambarkan kesan awal tindakan reformasi dan usaha penambahbaikan dasar oleh kementerian serta agensi berkaitan. Seterusnya, MPC turut melaksanakan analisis mikro terhadap indikator persepsi bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi sentimen industri, serta merancang intervensi segera sebelum pengumpulan data rasmi oleh IMD bagi tahun 2025.

Reformasi daya saing turut diperkukuh melalui pembangunan pelan tindakan berasaskan pemetaan penuh 256 indikator WCR kepada bidang tindakan merentasi kementerian dan agensi. Pendekatan ini memastikan aspek yang menyumbang kepada kedudukan daya saing negara ditangani secara menyeluruh melalui pembaikan struktur, proses dan dasar. Dalam masa yang sama, hubungan teknikal dengan IMD turut diperhebat melalui sesi libat urus berkala bagi memastikan keselarasan definisi dan kaedah pengukuran indikator, termasuk bagi indikator seperti *new business density* agar lebih mencerminkan realiti aktiviti perniagaan di Malaysia.



MPC turut memainkan peranan aktif dalam sesi libat urus bersama industri, sektor swasta dan pertubuhan antarabangsa bagi mendapatkan pandangan langsung mengenai cabaran yang dihadapi oleh komuniti perniagaan. Libat urus ini melibatkan syarikat multinasional, persatuan industri dan pelabur asing untuk meneliti keperluan sebenar firma, mengenal

pasti halangan operasi serta mengumpul input berasaskan pengalaman pasaran. Maklum balas yang diterima menjadi asas penting kepada penambahbaikan dasar

dan peraturan, di samping memastikan cadangan reformasi yang dirangka adalah lebih responsif, praktikal dan berasaskan data. Antara sesi utama yang telah dianjurkan ialah Sesi Pembangunan Strategi Daya Saing Negara bagi Sub-faktor Kesihatan dan Persekitaran yang berlangsung pada 23 hingga 25 Ogos 2024 bertempat di Putrajaya.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz turut menegaskan komitmen kerajaan terhadap agenda peningkatan daya saing negara. Dalam satu kenyataan media, beliau menyatakan bahawa:

“Kerajaan serius dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, yang sekali gus akan meningkatkan daya saing negara. Produktiviti dan daya saing yang kukuh akan menarik lebih banyak pelabur apabila Malaysia mempamerkan kestabilan ekonomi, kecekapan infrastruktur dan tadbir urus yang cemerlang.”

Selaras dengan aspirasi nasional di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), Malaysia menetapkan sasaran untuk berada dalam kelompok 12 negara teratas dalam *IMD World Competitiveness Yearbook* menjelang 2030. Sasaran ini menjadi asas penting kepada usaha reformasi struktur yang diterajui MPC melalui pembangunan kapasiti produktiviti, pemantapan ekosistem persaingan dan pengukuhan daya tahan ekonomi negara.

4.6 INISIATIF UTAMA DALAM TRANSFORMASI DIGITAL, ESG & INOVASI

MPC terus memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat di Malaysia dapat mengadaptasi transformasi digital, mengukuhkan amalan *Environmental, Social, and Governance* (ESG), serta melaksanakan inovasi bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing. Kejayaan ini dicapai melalui pengintegrasian kecerdasan buatan (AI) dalam operasi syarikat serta pengenalan inisiatif *Quality Environment 5.0* (QE 5.0).

4.6.1 Pengukuhan Transformasi Digital

MPC berperanan dalam memperkukuhkan agenda transformasi digital dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Antara program utama yang dilaksanakan ialah Transformasi Digital Negeri Perlis, di mana MPC bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis untuk memperkenalkan tiga inisiatif utama: Bengkel Transformasi Penjawat Awam melalui Kecerdasan Buatan (AI) yang bertujuan meningkatkan kecekapan sektor awam, Program Peningkatan Produktiviti PMKS melalui Teknologi Digital AI untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mengadaptasi teknologi digital, serta Program Peningkatan Produktiviti Pelancongan Negeri Perlis, yang memberi tumpuan kepada pemantapan strategi digital dalam promosi produk pelancongan negeri.

Selain itu, pada 6 November 2024, MPC turut melaksanakan Program Kepimpinan Inovatif & Transformasi Digital di Pahang di bawah inisiatif GovX Pahang 1st, yang bertujuan memperkukuh kepimpinan sektor awam menerusi penerapan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI). Program ini telah disertai oleh 35 pegawai kanan kerajaan negeri, dengan fokus kepada strategi penggunaan data dan teknologi digital bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran.

4.6.2 Penerapan ESG dalam Sektor Perniagaan dan Industri

MPC juga telah melaksanakan pelbagai program berkaitan ESG bagi meningkatkan pemahaman dan kesedaran industri mengenai kepentingan pematuhan kepada prinsip kelestarian. Salah satu inisiatif utama adalah KenalESG Outreach Programme, yang bertujuan untuk menyediakan sokongan kepada syarikat dalam mengadaptasi strategi ESG. Program ini menumpukan kepada latihan, peningkatan kesedaran, dan bantuan kewangan bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), terutama dalam Fasa 1.0 "Just Transition" yang dijalankan dari 2024 hingga 2026. Program ini membantu lebih 500 syarikat memahami amalan ESG dan mengambil langkah awal dalam pelaksanaan inisiatif kelestarian dalam operasi mereka.

Bagi memperkukuh pemahaman serta menggalakkan pelaksanaan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam operasi perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Bumiputera, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah mengadakan sesi perbincangan bersama wakil Persatuan PKS Bumiputera pada 16 Januari 2024 bertempat di Bilik Majlis MPC, Ibu Pejabat Petaling



Jaya. Sesi perbincangan ini dipengerusikan oleh YBrs. Encik Zahid bin Ismail, Ketua Pengarah MPC, dengan tumpuan kepada perbincangan isu, cabaran serta strategi bagi memperluas penerapan amalan ESG dalam kalangan PKS Bumiputera.

Selain itu, MPC juga telah terlibat dalam Kajian Mengenai Ekosistem ESG untuk Pembangunan Rangka Kerja dan Pelan Hala Tuju ESG di Malaysia, yang dijalankan oleh Kementerian Ekonomi dengan kerjasama ESG Centre of Excellence, Universiti Malaya. Kajian ini bertujuan membangunkan rangka kerja dasar yang menyeluruh serta pelan hala tuju bagi menyatukan ekosistem ESG dan menyokong peralihan ke arah pematuhan ESG yang lebih berkesan dalam sektor ekonomi, dengan matlamat meningkatkan produktiviti dalam jangka masa panjang. MPC Pahang telah dijemput untuk menyertai sesi perbincangan di Wilayah Pantai Timur, bersama 17 peserta dari organisasi kerajaan dan swasta, bagi mengenal pasti cabaran utama dalam ekosistem ESG sedia ada serta merangka penyelesaian dan hala tuju bagi mempercepatkan adaptasi ESG dalam sektor perniagaan.

Pada 10 Jun 2024, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah mengadakan perbincangan strategik bersama Golden Tusks Sdn. Bhd. (GTSB) bertempat di Ibu Pejabat MPC, Petaling Jaya, bagi meneroka peluang kerjasama dalam mengintegrasikan Program ESG ke dalam inisiatif peningkatan produktiviti. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada mekanisme pelaksanaan bersama yang dapat menyokong industri dalam memenuhi keperluan standard kelestarian global serta meningkatkan daya saing syarikat tempatan. Dalam sesi ini, MPC



membentangkan kejayaan pelaksanaan program ESG khususnya bagi PMKS, manakala GTSB berkongsi pendekatan dan strategi mereka dalam memperkukuh amalan kelestarian industri.

Pada 4 dan 5 Disember 2024, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersama dengan Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA) dan Nexus Produktiviti Elektrik & Elektronik (EEPN) telah menganjurkan Persidangan Kelestarian & ESG Kedua di Pusat Konvensyen Setia SPICE, Pulau Pinang. Bertemakan "Ekonomi Kitaran ke Arah Pembangunan Lestari", persidangan ini menghimpunkan lebih 700 peserta, termasuk pemimpin industri, pembuat dasar, dan pakar, untuk membincangkan kepentingan mengintegrasikan amalan mampan dalam strategi perniagaan bagi menangani cabaran global seperti perubahan iklim dan kecekapan sumber.




Persidangan ini merupakan susulan daripada edisi pertama yang telah diadakan pada 17 Julai 2023, yang memberi tumpuan kepada pengenalan ESG dalam industri dan keperluan perniagaan untuk menyesuaikan diri dengan piawaian kelestarian global.

Berikutan kejayaan persidangan pertama, edisi kedua ini menampilkan perbincangan yang lebih mendalam mengenai pelaksanaan amalan ekonomi pekeliling, strategi pengurangan pelepasan karbon, dan pemerkasaan rantai bekalan lestari dalam sektor elektrik dan elektronik. Dengan pelbagai sesi perkongsian amalan terbaik serta forum industri, persidangan ini menjadi platform penting bagi syarikat tempatan dan antarabangsa dalam membangunkan strategi ESG yang lebih menyeluruh dan berdaya saing.

4.6.3 Inovasi Operasi Pintar dan Lestari melalui Pendekatan *Quality Environment* 5.0

Dalam usaha memastikan kelestarian dan produktiviti industri bergerak seiring, MPC telah memperkenalkan *Quality Environment* 5.0 (QE 5.0) sebagai satu pendekatan strategik yang memberi tumpuan kepada kecekapan sumber, pengurangan pembaziran, pematuhan kepada prinsip ESG, serta penerimgunaan digital dalam pengurusan operasi. Pendekatan ini bertujuan membantu organisasi menstruktur semula sistem kerja mereka ke arah yang lebih sistematik, lestari dan berdaya saing.

Sistem QE ini telah melalui lima fasa pembangunan sejak diperkenalkan, bermula dengan QE 1.0 yang berasaskan prinsip asas 5S, diikuti oleh QE 2.0 dengan penekanan kepada pengurusan visual. QE 3.0 memberi tumpuan kepada kecekapan proses, manakala QE 4.0 memperkenalkan gabungan pengurusan Lean dan penggunaan teknologi dalam operasi harian. Evolusi terkini, QE 5.0, mengangkat konsep ini lebih jauh dengan mengintegrasikan prinsip kelestarian dan pendigitalan sebagai teras kepada pengurusan organisasi moden.



Rajah 4.5: Evolusi *Quality Environment* (QE): Dari 5S ke Kecerdasan Buatan (AI)

Sebagai persediaan untuk pelaksanaan penuh QE 5.0, MPC telah mengadakan majlis Pra-peluncuran QE 5.0 pada 11 November 2024, yang menjadi platform untuk



memperkenalkan konsep baharu QE 5.0 kepada pelbagai sektor industri. Majlis ini menghimpunkan pemain industri, pakar produktiviti, dan wakil syarikat bagi memahami rangka kerja QE 5.0, kaedah pelaksanaannya dalam operasi perniagaan, serta impaknya terhadap daya saing organisasi. Majlis ini juga menyaksikan perbincangan mengenai cabaran utama yang dihadapi oleh syarikat dalam mengadaptasi sistem pengurusan persekitaran berkualiti baharu ini, termasuk

penggunaan teknologi digital, pematuhan kepada standard ESG global, dan penyesuaian dengan Model Kecemerlangan Perniagaan Malaysia (MBEF).

MPC turut menyediakan QE 5.0 Apps, iaitu sebuah platform digital yang membolehkan organisasi merekod, menilai, dan menyesuaikan operasi mereka dengan amalan ESG yang lebih lestari. Dengan pelaksanaan QE 5.0, syarikat bukan sahaja dapat mematuhi keperluan peraturan alam sekitar global, tetapi juga dapat meningkatkan daya saing mereka melalui amalan persekitaran berkualiti yang lebih sistematik dan mampan.

4.7 PENINGKATAN PRODUKTIVITI SYARIKAT MELALUI TEKNOLOGI DIGITAL DAN KECERDASAN BUATAN (AI)

MPC melalui Nexus Produktiviti Digital (DPN), terus memperkukuh usaha mempercepat penerimgunaan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan syarikat tempatan melalui pelaksanaan program *Digital Acceleration for Learning and Industry Adoption (DALIA)*.



Program ini dirancang untuk menggalakkan syarikat melaksanakan transformasi digital secara mudah, kos efektif dan praktikal, selaras dengan agenda nasional untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. DALIA berperanan sebagai platform

pembelajaran dan pelaksanaan projek digital sebenar yang membantu syarikat mengenal pasti, membangun, dan melaksanakan penyelesaian digital yang dapat meningkatkan keberkesanan operasi serta impak perniagaan.



Bagi memastikan pendekatan ini memberi hasil yang menyeluruh, MPC bersama rakan strategik iaitu Google, PointStar, BrandGeeks, BeanSE, dan Otti memperkukuh pelaksanaan melalui kerjasama dalam

penyediaan penyelesaian digital. Melalui kolaborasi ini, syarikat yang terlibat memperoleh akses kepada pelbagai teknologi tempatan dan antarabangsa yang menyokong automasi proses, analitik data serta penerapan AI berskala kecil dalam operasi perniagaan.




Sepanjang tahun 2024, sebanyak 132 syarikat daripada pelbagai subsektor di bawah 14 Nexus Produktiviti telah menyertai program ini. Subsektor Digital/ICT mencatat penyertaan tertinggi (31 peratus), diikuti oleh Peruncitan

dan Makanan & Minuman (25 peratus), Perkhidmatan Profesional (20 peratus), Pembinaan (6 peratus), Jentera dan Peralatan (5 peratus) serta 13 peratus subsektor lain.

Hasil daripada pelaksanaan projek di bawah DALIA, syarikat-syarikat yang terlibat secara puratanya berjaya mencatatkan peningkatan ketara dalam aspek yang ditunjukkan dalam rajah berikut:

Graf 4.1: Impak Program DALIA ke atas Syarikat terlibat



Secara keseluruhannya, pelaksanaan inisiatif DALIA telah menjana nilai produktiviti berjumlah RM16 juta hasil daripada penerapan penyelesaian digital dan automasi dalam operasi syarikat. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan strategi MPC dalam memperkasa industri untuk meningkatkan produktiviti melalui penerimgunaan teknologi digital dan kecerdasan buatan. Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh keupayaan organisasi dalam bidang ini, MPC turut menganjurkan



Program *AI for Productivity Part 1: A Guide on How to Choose a Tech Solution* pada 24 September 2024 bertempat di Dewan Produktiviti, MPC Petaling Jaya, yang

memberi pendedahan kepada peserta mengenai pemilihan penyelesaian teknologi yang bersesuaian bagi menyokong peningkatan produktiviti.

Selain memberi impak langsung kepada firma yang terlibat, pelaksanaan DALIA turut menyokong aspirasi kerajaan untuk menempatkan Malaysia dalam kelompok 12 negara paling berdaya saing di dunia. Usaha ini secara khusus menyumbang kepada penambahbaikan kedudukan Malaysia dalam IMD *World Competitiveness Ranking* (WCR), terutamanya bagi penunjuk berikut:

- i. Produktiviti syarikat yang dipacu oleh penerimgunaan alat *ranking* dan teknologi (kedudukan ke-37);
- ii. Transformasi digital dalam syarikat (kedudukan ke-31); dan
- iii. Bakat serta kemahiran digital dalam syarikat (kedudukan ke-40).

Kajian Kes 1: Transformasi Digital SunCrox Solar – Automasi Khidmat Pelanggan Melalui Chatbot

Nexus Produktiviti: Perkhidmatan Profesional

Profil Syarikat:

SunCrox Solar merupakan penyedia penyelesaian tenaga boleh diperbaharui yang menawarkan perkhidmatan perundingan, pemasangan, dan penyelenggaraan sistem solar di rantau Asia Tenggara. Syarikat ini berperanan penting dalam mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga konvensional serta membantu sektor komersial dan luar bandar menjimatkan kos tenaga.

Cabaran Sebelum Pelaksanaan:

Sebelum program DALIA, proses pengurusan prospek dan komunikasi pelanggan dijalankan secara manual. Setiap pertanyaan pelanggan memerlukan penglibatan langsung pemilik perniagaan untuk memberikan maklum balas dan menyediakan sebut harga, menyebabkan kelewatan dan peningkatan kos operasi.

Penyelesaian Digital:

Melalui penggunaan chatbot, SunCrox Solar mengautomasikan interaksi pelanggan dan penukaran prospek menggunakan papan pemuka *omnichannel*. Chatbot ini menjawab pertanyaan asas pelanggan, menjejak status prospek secara masa nyata, serta menjana borang sebut harga automatik melalui Google Form, sekaligus mempercepatkan tindak balas pelanggan dan meningkatkan kecekapan operasi.

Petunjuk	Sebelum	Selepas	Peningkatan
Masa komunikasi	8 jam	5 jam	37.5 peratus penjimatan masa
Kos operasi bulanan	RM4000	RM2500	37 peratus pengurangan kos
Kecekapan operasi	10 prospek dilayan	16 prospek sehari	Peningkatan kecekapan 60 peratus

Kajian Kes 2: Automasi Pemasaran Digital Meningkatkan Kecekapan & Jualan JDV Café

Nexus Produktiviti: Peruncitan dan Makanan & Minuman

Profil Syarikat:

Joie De Vivre (JDV) Café merupakan restoran bertemakan Eropah yang terkenal dengan hidangan berkualiti tinggi, suasana mesra pelanggan, dan pengalaman menjamu selera yang santai. Bagi memperkukuh hubungan pelanggan dan meningkatkan hasil jualan, JDV mengambil inisiatif untuk menggabungkan teknologi digital dalam operasi pemasarannya.

Projek:

JDV menggunakan analitik data untuk memahami demografi pelanggan serta melaksanakan automasi mesej promosi, peringatan acara, dan komunikasi pelanggan dengan lebih efisien.

Cabaran Sebelum Pelaksanaan:

Sebelum ini, penghantaran mesej dilakukan secara manual menggunakan aplikasi *WhatsApp*, yang memakan masa dan mengehadkan interaksi dengan pelanggan. Kekangan ini menyebabkan penyertaan pelanggan rendah serta peningkatan kos operasi akibat masa kerja tambahan.


Penyelesaian Digital:

Dengan penggunaan Mimin, JDV berjaya menghantar 10,347 mesej (purata 3,449 mesej sebulan) kepada pangkalan data pelanggan sedia ada melebihi 1,500 orang. Masa yang diperlukan untuk tugas pemasaran berkurang daripada 4 jam kepada 2 jam sehari, mewakili penjimatan masa sebanyak 50 peratus.

Impak Terhadap Produktiviti dan Jualan:


1. Mengurangkan Kos: Automasi mesej mengurangkan keperluan tenaga kerja manual dan kos operasi harian.
2. Mengurangkan Masa Tugasan: Penjimatan dua jam setiap hari dalam aktiviti pemasaran digital.
3. Lain-lain:
 - a) Kecekapan operasi meningkat melalui automasi dan analitik pelanggan.
 - b) Peningkatan jualan hasil daripada kempen promosi yang lebih disasarkan.
 - c) Kadar penukaran pelanggan meningkat berikutan interaksi yang lebih pantas dan relevan.

Dengan pendekatan ini, JDV Café bukan sahaja berjaya mengoptimumkan operasi pemasarannya, malah membuktikan bahawa transformasi digital mampu memberikan impak nyata terhadap produktiviti dan pertumbuhan perniagaan.



BAB 5

Penyata Kewangan





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Perbadanan Produktiviti Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Mengurus serta Bajet Pembangunan dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 41.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara Bilangan 19 Tahun 1966 [Pindaan] Akta A305, 1975 dan [Pindaan] Akta A801, 1991.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara Bilangan 19 Tahun 1966 [Pindaan] Akta A305, 1975 dan [Pindaan] Akta A801, 1991. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Produktiviti Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Produktiviti Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Produktiviti Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Produktiviti Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Perbadanan Produktiviti Malaysia perlu memberi perhatian terhadap perkara berikut:

- a. Mengambil tindakan segera bagi menyusuli baki geran projek berjumlah RM1,018,329 yang berstatus selesai yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan sejak tahun 2018 hingga 2022. Perbadanan Produktiviti Malaysia perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MoF) melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) berhubung status baki geran tersebut selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2 mengenai Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Perenggan 10.2.3.
- b. Memastikan semua transaksi perbelanjaan direkodkan dalam tahun kewangan yang berkaitan dan diakrukan mengikut tempoh sebenar ia berlaku selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) : MPSAS 14 – Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia berdasarkan keperluan Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara Bilangan 19 Tahun 1966 [Pindaan] Akta A305, 1975 dan [Pindaan] Akta A801, 1991 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 OKTOBER 2025



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024




Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, Datuk Kamaruzzaman Johari dan Datuk Hanafi Bin Sakri yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih / Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet Mengurus serta Bajet Pembangunan dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATUK KAMARUZZAMAN JOHARI
Pengerusi



DATUK HANAFI BIN SAKRI
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: **20 MAR 2025**

Kuala Lumpur

Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan

Saya, Datuk Zahid bin Ismail, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Produktiviti Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih / Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet Mengurus serta Bajet Pembangunan dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di PETALING JAYA)
pada 19 MAR 2025)


DATUK ZAHID BIN ISMAIL

Di hadapan saya,



NO: 13, (TINGKAT 1) JALAN 52/10
PJ NEW TOWN
46200 PETALING JAYA, SELANGOR.

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2024

	Nota	2024 (RM)	2023 (RM)
ASET SEMASA			
Baki bank dan wang tunai		13,248,844	13,402,405
Deposit tetap di institusi kewangan		69,207,069	82,699,290
Urusniaga pertukaran belum terima	4	898,184	1,195,841
Kerja dalam kemajuan	5	7,995,475	-
		91,349,572	97,297,536
ASET BUKAN SEMASA			
Urusniaga pertukaran belum terima	4	373,721	334,717
Hartanah, loji dan peralatan	6	15,004,626	14,255,496
Hartanah Pelaburan	6	7,672,000	7,672,000
Aset tidak ketara	7	309,224	102,859
		23,359,571	22,365,072
JUMLAH ASET		114,709,143	119,662,608
LIABILITI SEMASA			
Urusniaga pertukaran belum bayar	8	7,567,808	12,151,169
Peruntukan manfaat kakitangan	9	197,840	183,706
		7,765,648	12,334,875
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan manfaat kakitangan	9	2,043,296	1,516,748
Geran tertunda Usahasama	10	3,777,844	3,372,944
Geran tertunda Pembangunan	11	53,634,142	57,855,563
		59,455,282	62,745,255
JUMLAH LIABILITI		67,220,930	75,080,130
JUMLAH ASET BERSIH		47,488,213	44,582,478
ASET BERSIH			
Kumpulan wang pengurusan	12	37,516,213	34,610,478
Rizab penilaian semula		7,672,000	7,672,000
Kumpulan wang pinjaman kenderaan		2,000,000	2,000,000
Kumpulan wang pinjaman komputer		300,000	300,000
JUMLAH ASET BERSIH		47,488,213	44,582,478

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Nota	2024 (RM)	2023 (RM)
Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran			
Geran Kerajaan Persekutuan	13	70,823,574	68,882,684
Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran			
Yuran latihan, perundingan dan pensijilan		876,850	788,736
Yuran konvensyen		1,000	112,000
Faedah deposit tetap		3,178,231	2,230,025
Sewaan		436,085	304,080
Faedah bank		69,973	66,526
Faedah atas pinjaman komputer & kenderaan		15,189	13,861
Pelbagai pendapatan		78,543	63,580
Pemulihan hutang ragu		-	5,000
Keuntungan pertukaran matawang asing		88,973	-
Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan		560	15,098
JUMLAH HASIL		75,568,978	72,481,590
Perbelanjaan Pengurusan			
Emolumen	14	25,859,119	25,249,309
Perjalanan dan sara hidup		1,433,351	1,450,288
Pengangkutan barang-barang		235,337	89,988
Perhubungan		169,380	194,646
Utiliti		818,388	927,152
Sewaan		5,986,335	1,897,770
Perkhidmatan percetakan		198,250	303,947
Bekalan dan alat		534,821	831,335
Penyelenggaraan dan pembaikan yang dibeli		1,778,430	2,283,930
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti		7,379,553	9,478,543
Bayaran juruaudit		52,065	52,319
Yuran keahlian		1,195,951	1,229,316
Manfaat kakitangan	15	1,036,853	907,162
Kerugian pertukaran matawang asing		-	48,063
Taksiran dan cukai tanah		175,324	162,946
Perbelanjaan konvensyen		-	2,700
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		1,079,868	1,088,134
Perbelanjaan Pembangunan	16	24,051,065	23,205,431
Perbelanjaan Usahasama	17	679,153	2,119,713
JUMLAH PERBELANJAAN		72,663,243	71,522,692
LEBIHAN SEBELUM CUKAI		2,905,735	958,898
Peruntukan Cukai	18	-	-
LEBIHAN TAHUN SEMASA		2,905,735	958,898

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Nota	Rizab Penilaian Semula (RM)	Kumpulan Wang Pengurusan (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer (RM)	Jumlah (RM)
Pada 01 Januari 2023		4,000,000	33,651,580	2,000,000	300,000	39,951,580
Rizab penilaian semula	6	3,672,000	-	-	-	3,672,000
Lebihan Tahun Lepas		-	958,898	-	-	958,898
Pada 31 Disember 2023		7,672,000	34,610,478	2,000,000	300,000	44,582,478
Pada 01 Januari 2024		7,672,000	34,610,478	2,000,000	300,000	44,582,478
Lebihan tahun semasa		-	2,905,735	-	-	2,905,735
Pada 31 Disember 2024		7,672,000	37,516,213	2,000,000	300,000	47,488,213

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	2024 (RM)	2023 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Terimaan tunai dari kerajaan persekutuan	70,823,574	68,882,684
Terimaan tunai pelbagai hasil	1,739,977	868,151
Bayaran tunai kepada pekerja dan pembekal	(79,451,198)	(27,931,958)
Tunai bersih (digunakan) / dijana dari aktiviti operasi	(6,887,647)	41,818,877
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(2,026,613)	(337,046)
Kerja dalam kemajuan	(7,995,475)	-
Faedah diterima	3,263,393	2,310,412
Terimaan dari jualan hartanah, loji dan peralatan	560	15,098
Tunai bersih (digunakan) / dijana dari aktiviti pelaburan	(6,758,135)	1,988,464
Penambahan bersih tunai dan setara tunai	(13,645,782)	43,807,341
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	96,101,695	52,294,354
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	82,455,913	96,101,695
TUNAI DAN SETARA TUNAI		
Wang tunai di tangan dan baki bank	13,248,844	13,402,405
Deposit tetap di institusi kewangan	69,207,069	82,699,290
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	82,455,913	96,101,695

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Perbandingan

Bajet Mengurus Dan Amaun Sebenar

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

BELANJA MENGURUS	BAJET ASAL (RM)	BAJET AKHIR (RM)	BELANJA SEBENAR (RM)	VARIAN BAJET (RM)
Gaji dan upahan	19,532,400	17,512,400	17,411,163	101,247
Elaun tetap	4,327,700	4,327,700	4,275,335	52,365
Sumbangan Berkanun untuk kakitangan	3,358,600	3,358,600	3,018,403	340,197
Elaun lebih masa	312,000	312,000	219,231	92,769
Faedah-faedah kewangan yang lain	447,300	897,700	874,997	22,703
EMOLUMEN	28,018,400	26,408,400	25,889,119	609,281
Perjalanan dan sara hidup	1,592,000	1,592,000	1,433,351	158,649
Pengangkutan barang-barang	175,000	240,000	235,337	4,663
Perhubungan dan utiliti	1,071,300	1,071,300	977,758	93,542
Sewaan	6,645,600	6,155,900	5,986,335	169,565
Bahan-bahan penyelenggaraan	50,000	50,000	15,945	34,055
Bekalan dan bahan-bahan lain	1,000,000	1,000,000	456,876	543,124
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil	1,700,000	1,780,000	1,778,430	1,570
Perkhidmatan ikhtisas	7,417,400	7,537,400	7,629,858	(92,458)
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	19,651,600	19,526,600	18,585,910	940,690
Tanah dan pembaikan tanah	-	1,375,000	1,371,746	3,254
Hartanah dan pembaikan bangunan	-	-	-	-
Kemudahan	-	-	-	-
Kenderaan dan jentera	-	-	-	-
Harta modal yang lain	200,000	412,000	410,118	1,882
ASET	200,000	1,787,000	1,781,864	5,136
Pemberian dalam negeri	1,200,000	1,200,000	1,195,952	4,048
Ganjaran cuti rehat	950,000	938,000	1,036,853	(98,853)
SUMBANGAN	2,150,000	2,138,000	2,232,805	(94,805)
Cukai dan pelbagai	165,000	165,000	162,946	2,054
PERBELANJAAN LAIN	165,000	165,000	162,946	2,054
JUMLAH PERBELANJAAN	50,185,000	50,185,000	48,622,644	1,562,356
SUMBER DALAMAN	4,562,000	4,562,000	2,999,644	1,562,356
PEMBERIAN KERAJAAN	45,623,000	45,623,000	45,623,000	-
JUMLAH	50,185,000	50,185,000	48,622,644	1,562,356

Penyata Perbandingan

Bajet Pembangunan Dan Amaun Sebenar

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	BAKI 2023 (RM) (a)	BAJET ASAL (RM) (b)	BAJET AKHIR (RM) (c)	BELANJA SEBENAR (RM) (d)	VARIAN BAJET (RM) (e = a + c - d)
BELANJA PEMBANGUNAN					
Transformasi Ubah ke Arah Peningkatan Produktiviti dan Pampasan Pekerja (TWP)	217,218	2,000,000	2,000,000	2,206,265	10,953
Melaksanakan Inisiatif Produktiviti Nexus Peringkat Sektor (SPC 2.0 – LPN)	263,215	475,000	475,000	720,741	17,474
Membentuk Ekosistem Peraturan Perniagaan Yang Teguh (FORE)	97,605	5,000,000	5,000,000	4,814,972	282,633
Penerapan Behavioural Insights dalam Polisi Awam dan Peraturan (BI 2.0)	136,262	2,500,000	2,500,000	2,334,211	260,051
Pembangunan Bakat Tempatan – Industri E&E (AiF dan Train and Place)	2,571,195	5,260,000	5,260,000	3,554,771	4,276,424
Melaksanakan Inisiatif Produktiviti Nexus Peringkat Sektor (SPC 2.0 – COBEPN)	2,630	475,000	475,000	467,157	10,473
Academy in Industry (Ail – Promosi)	2,512,712	-	-	2,399,998	-
Academy in Industry (Ail – Insentif SLDN)	39,954,000	-	(5,000,000)	3,432,000	31,522,000
Malaysia Productivity Blueprint (NEXUS)	588,798	-	-	1,173,400	587,064
Melaksanakan Inisiatif Produktiviti Nexus Peringkat Sektor (SPC 2.0 – 9 NEXUS)	-	1,840,000	1,840,000	1,693,329	146,671
Melaksanakan Inisiatif Produktiviti Nexus Peringkat Sektor (SPC 3.0 – Farmaseutikal)	-	244,000	244,000	153,780	90,220
Melaksanakan Inisiatif Produktiviti Nexus Peringkat Sektor (SPC 3.0 – Aero-Angkasa)	-	251,000	261,000	256,978	4,022
Melaksanakan Inisiatif Produktiviti Nexus Peringkat Sektor (SPC 3.0 – Automotif)	-	215,000	245,000	235,903	9,097
Kerjasama Industri dan Pakar Industri dalam R&D&C&I serta NBPS	-	2,000,000	2,000,000	576,645	1,423,355
New Deal for Business (NDFB)	-	-	5,000,000	1,171,581	3,828,419
JUMLAH PERBELANJAAN	46,343,635	20,300,000	20,300,000	24,051,065	42,592,570

	Operasi (RM)	Pelaburan (RM)	Jumlah (RM)
Amaun sebenar pada asas boleh banding	70,891,845	1,781,864	72,673,709
Perbezaan asas	(77,779,492)	(8,539,999)	(86,319,491)
Seperti Penyata Aliran Tunai	(6,887,647)	(6,758,135)	(13,645,782)

A. Nota kepada penyata perbandingan bajet mengurus:

Bajet Mengurus yang diluluskan adalah berasaskan perakaunan akruan, mengikut klasifikasi fungsi yang terdiri daripada objek sebagai serta program. Tempoh pelaksanaan bajet ini adalah bagi tahun kewangan bermula dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah membentangkan Bajet Tahun 2024 di Dewan Rakyat pada 13 Oktober 2023.

Dalam pembentangan tersebut, Bajet Mengurus Perbadanan bagi tahun 2024 adalah berjumlah RM50.185 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM45.623 juta telah diluluskan oleh Perbendaharaan, manakala baki sebanyak RM4.562 juta perlu dibiayai menggunakan rizab dalaman Perbadanan bagi menampung keseluruhan perbelanjaan aktiviti tahun 2024.

B. Nota kepada penyata perbandingan bajet pembangunan:

Bajet Pembangunan yang telah diluluskan kepada MPC bagi tahun 2024 berjumlah RM20.300 juta dan baki yang dibawa dari tahun 2023 berjumlah RM46.343 juta. Jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan sehingga 31 Disember 2024 adalah RM24.051 juta manakala lebih baki peruntukan berjumlah RM42.592 juta akan dibawa ke tahun 2025.

Antara program pembangunan bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

a) Transformasi Upah Ke Arah Peningkatan Produktiviti Dan Pampasan Pekerja (TWIP)

TWIP adalah inisiatif bertujuan untuk menjajarkan semula pasaran buruh negara berpandukan peningkatan produktiviti serta pembangunan bakat untuk keperluan masa hadapan. Program ini selaras dengan mandat Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang bertujuan meningkatkan peluang pekerjaan rakyat Malaysia melalui pemberian upah dan pampasan yang lebih adil, meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh, serta memperkukuhkan pasaran buruh agar dapat memenuhi permintaan bakat yang diperlukan pada masa depan. Tempoh pelaksanaan program ini adalah selama lima tahun bermula 2021 hingga 2025.

b) Membentuk Ekosistem Peraturan Perniagaan Yang Teguh (FORE)

FORE merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk membentuk ekosistem peraturan perniagaan yang kukuh dan mampan bagi menyokong pertumbuhan produktiviti negara. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pembaharuan struktural (Structural Reform) yang melibatkan pembangunan dan semakan dasar serta peraturan sedia ada. Pelaksanaan ini menggunakan pendekatan Amalan Baik Peraturan (Good Regulatory Practice – GRP) sebagai panduan utama, merangkumi semua peringkat kerajaan – persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan – bagi memastikan keberkesanan dan keseragaman dalam tadbir urus peraturan negara.

c) Penerapan Kaedah *Behavioral Insights* Dalam Polisi Awam Dan Peraturan di Malaysia (BI 2.0)

BI 2.0 merupakan satu dasar inovatif yang diperkenalkan bagi meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan melalui pendekatan yang berteraskan sains tingkah laku. Pendekatan Behavioural Insights (BI) ini menggabungkan

pelbagai disiplin ilmu seperti psikologi, sains sosial, sains kognitif, dan neurosains untuk memahami bagaimana individu membuat keputusan. Melalui pemahaman ini, dasar-dasar kerajaan dapat digubal dengan lebih efektif, mendorong perubahan tingkah laku yang positif serta meningkatkan kadar pematuhan terhadap peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

d) Melaksanakan Inisiatif Pusat Produktiviti Peringkat Sektor (SPC 2.0)

SPC 2.0 merupakan inisiatif industri yang digerakkan bagi mempercepatkan pertumbuhan produktiviti negara, selaras dengan aspirasi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Inisiatif ini memberi tumpuan kepada pembangunan dan pengukuhan produktiviti dalam 11 subsektor utama ekonomi negara.

Pelaksanaannya berasaskan pendekatan kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta untuk mempercepatkan penerapan teknologi baharu, meningkatkan kecekapan operasi, dan membangunkan ekosistem inovasi yang mampan. Dalam memastikan kejayaan pelaksanaan SPC 2.0, perhatian khusus diberikan kepada tiga pemacu utama pembangunan produktiviti, iaitu pembangunan bakat, reformasi peraturan, dan pemeraksanaan digital.

Usaha ini dijangka merangsang pertumbuhan sektor produktif, memperkukuh keupayaan PKS, serta meningkatkan daya tahan ekonomi negara. Pendekatan inklusif dan berfokuskan masa hadapan ini bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif dalam ekonomi global yang sentiasa berubah.

e) Pembangunan Bakat Tempatan bagi Menyokong Industri E & E (AiF dan *Train and Place*)

Bagi tempoh 2022 hingga 2025, dua program utama iaitu Academy in Factory (AiF) dan Train and Place telah dilaksanakan bagi menyelaraskan serta menyediakan latihan industri yang memberi tumpuan kepada peningkatan bakat dalam sektor Elektrikal dan Elektronik (E&E) negara.

1. Program *Academy in Factory* (AiF)

Program AiF merupakan program latihan berasaskan tempat kerja (on-the-job training) yang menyasarkan lepasan sekolah berumur 18 tahun ke atas yang boleh membaca, menulis dan mengira (3M) serta berminat membina kerjaya dalam industri E&E.

Ciri-ciri utama program ini adalah seperti berikut:

- Tempoh latihan adalah selama 18 bulan di premis syarikat industri.
- Peserta akan menerima Sijil Kemahiran Tahap 2 selepas tamat latihan.
- Peserta akan menerima gaji minimum RM1,500 sebulan, serta elaun tambahan yang disediakan oleh syarikat.

- Semua peserta akan didaftarkan di bawah Akta Pekerja dan mendapat manfaat perlindungan yang berkaitan.

2. Program *Train and Place*

Program ini menyediakan peluang latihan dan penempatan pekerjaan dalam industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) khusus kepada dua kumpulan sasaran:

- Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- Lulusan Diploma, SVM, dan SKM Tahap 3

Train and Place memberi fokus kepada penyediaan latihan teknikal yang relevan dengan kehendak industri sebelum peserta ditempatkan dalam pekerjaan yang bersesuaian.

Output dan Sasaran Program

- **AiF** menyasarkan untuk melahirkan 20,000 pelatih industri E&E tempatan menjelang tahun 2025, dengan fokus kepada tiga bidang utama:
 - Automasi
 - Semikonduktor
 - Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (*Electronics Manufacturing Services*)
- **Train and Place** pula menetapkan sasaran untuk melahirkan 500 jurutera dan 500 juruteknik menjelang akhir tahun 2024.

f) Produktiviti Malaysia Blueprint (NEXUS)

Program NEXUS merupakan inisiatif utama di bawah Pelan Pembangunan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Blueprint*), yang memberi keutamaan kepada usaha memperkukuh produktiviti sebagai teras dalam agenda pembangunan negara. Program ini dilaksanakan melalui sembilan (9) Nexus Produktiviti yang mewakili sektor-sektor utama ekonomi negara, iaitu:

- Runcit dan Makanan & Minuman (*Retail and Food & Beverages – F&B*)
- Elektrik dan Elektronik (*Electric & Electrical – E&E*)
- Kimia dan Produk Kimia (*Chemical and Chemical Products*)
- Jentera dan Peralatan (*Machinery & Equipment – M&E*)
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
- Perkhidmatan Profesional (*Professional Services*)
- Agro-makanan (*Agro-food*)
- Pelancongan (*Tourism*)
- Penjagaan Kesihatan Swasta (*Private Healthcare*)

Kesemua Nexus ini bertanggungjawab untuk melaksanakan sebanyak 43 inisiatif strategik yang telah dikenal pasti dalam *Blueprint* Produktiviti Malaysia. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan menangani lima cabaran utama dalam sektor masing-masing, iaitu:

- Isu berkaitan tenaga kerja mahir
- Tahap pendigitalan dan inovasi yang masih rendah
- Akauntabiliti industri dalam memacu perubahan
- Kelemahan dalam ekosistem sokongan industry
- Kurangnya budaya produktiviti di semua peringkat

Pelaksanaan inisiatif oleh Nexus Produktiviti ini merupakan pendekatan berfokus dan kolaboratif antara sektor awam dan swasta bagi mempercepat pertumbuhan produktiviti negara.

g) Program *Academy In Industry* (All)

Program All merupakan inisiatif strategik oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan kerjasama pelbagai pihak seperti kementerian, agensi kerajaan, institusi akademik dan pihak industri. Program ini berasaskan pendekatan *Industry Demand-Driven* dan konsep *Train & Place*, yang menyasarkan penyertaan golongan belia berumur 18 tahun ke atas.

Matlamat utama program ini adalah untuk:

- Melahirkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi dan relevan dengan keperluan industri semasa,
- Mengurangkan ketidakpadanan kemahiran antara permintaan industri dan penawaran tenaga kerja,
- Mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah.

Latihan disampaikan melalui program pensijilan kemahiran yang diiktiraf oleh kerajaan, bagi menyokong pembangunan tenaga kerja dalam sektor industri yang berproduktiviti tinggi.

h) Melaksanakan Inisiatif Pusat Produktiviti Peringkat Sektor (Nexus) - SPC 3.0

SPC 3.0 di bawah RMK-12 memberi tumpuan khusus kepada Pembangunan tiga sektor strategik negara iaitu Farmaseutikal, Aero-Angkasa, dan Automotif. Program ini dipacu oleh industri dan disokong oleh kerajaan bagi memperkukuh pembangunan bakat tempatan berkemahiran tinggi, pematuhan terhadap peraturan, serta penerapan teknologi dan pendigitalan dalam kalangan pemain industri.

Melalui pendekatan berfokus dan kolaboratif, SPC 3.0 menyediakan latihan industri bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, memudah cara pematuhan kepada standard antarabangsa, serta mempercepatkan penggunaan teknologi automasi dan digitalisasi dalam operasi industri. Inisiatif

ini juga menyokong pengukuhan ekosistem industri melalui kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta.

Selain itu, SPC 3.0 turut menyumbang kepada peningkatan daya saing syarikat tempatan dengan memacu inovasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta memperkukuh rantai bekalan bagi ketiga-tiga sektor terlibat. Secara keseluruhan, program ini memainkan peranan penting dalam menjadikan industri tempatan lebih mampan dan kompetitif di pasaran global.

i) Meningkatkan Produktiviti Syarikat Melalui Kerjasama Industri dan Pakar Industri Dalam Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I)

Inisiatif “Meningkatkan Produktiviti Syarikat Melalui Kerjasama Industri dan Pakar Industri Dalam R&D&C&I” telah diperkenalkan pada tahun 2024 sebagai langkah strategik untuk merangsang aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) dalam kalangan syarikat tempatan. Melalui inisiatif ini, kerjasama antara syarikat dan pakar industri diperkukuh bagi mempertingkatkan keupayaan inovasi serta penerapan teknologi baharu, khususnya dalam sektor agro-makanan, pelancongan dan perkhidmatan profesional. Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk memacu peningkatan produktiviti secara berganda yang memberi impak langsung kepada daya saing industri secara keseluruhan.

j) *New Deal For Business* (NDFB) Dan Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan (ILTIZAM)

Pada tahun 2024, Kerajaan Malaysia melalui platform Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) telah merangka dokumen *New Deal for Business* (NDFB) sebagai satu langkah strategik untuk memperkukuh keyakinan komuniti perniagaan, merangsang pertumbuhan ekonomi negara serta mempercepat transformasi digital secara menyeluruh.

Pelaksanaan NDFB telah memberi impak positif terhadap peningkatan pelaburan langsung asing dan domestik, penciptaan peluang pekerjaan baharu, serta menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Selaras dengan sasaran Ekonomi MADANI, NDFB menasaskan untuk meletakkan Malaysia dalam kalangan 12 ekonomi paling berdaya saing di dunia.

NDFB turut memperincikan komitmen kerajaan dalam menangani isu-isu struktur dan situasi yang menghalang kelancaran urusan perniagaan di negara ini. Antara fokus utama termasuk mengurangkan kerebuan birokrasi, meningkatkan keberkesanan penyampaian peraturan serta menghapuskan beban peraturan yang tidak relevan dan membebaskan pelabur serta pengusaha tempatan. Menjelang akhir tahun 2024, NDFB telah melalui proses

penjenamaan semula dan dikenali sebagai *SiapNiaga*, dan seterusnya ditambah baik dan dijenamakan semula sebagai *Itizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan (ILTIZAM)*.

ILTIZAM merupakan manifestasi komitmen kerajaan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam, khususnya kepada rakyat dan komuniti perniagaan. Tujuh (7) anjakan utama telah diperkenalkan sebagai teras pelaksanaan ILTIZAM, yang menekankan kepada reformasi struktur dan peraturan sedia ada. Seiring pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baharu, ILTIZAM bertujuan untuk memastikan perkhidmatan kerajaan lebih mudah diakses, cekap dan berkesan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

1. MAKLUMAT PERBADANAN

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dahulunya dikenali sebagai Pusat Daya Pengeluaran Negara ditubuhkan di bawah Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara Bil. 19 pada tahun 1966 (pindaan 1975 “Akta A305 1975” dan pindaan 1991 “Akta A801 1991”). Ia dikenali sebagai Perbadanan Produktiviti Negara mulai 1 Disember 1991. Perbadanan Produktiviti Negara sekali lagi dengan rasminya telah dikenali sebagai Perbadanan Produktiviti Malaysia bermula 21 Februari 2008.

Objektif korporat Perbadanan adalah:

- Menyediakan maklumat mengenai produktiviti, kualiti, daya saing dan amalan-amalan terbaik melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan pangkalan data.
- Membangunkan modal insan dan kecemerlangan organisasi bagi membentuk masyarakat berasaskan pengetahuan melalui latihan, pembangunan sistem dan amalan terbaik.
- Menjalankan kajian semula peraturan dan promosi Amalan Baik Peraturan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif.
- Memupuk budaya kreatif dan inovatif demi produktiviti dan daya saing menerusi program kerjasama.

Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 yang belum diaudit telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 20 Mac 2025.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Perbadanan telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS - *Malaysian Public Sector Accounting Standards*).

2.2. Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.3. Matawang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (RM), iaitu matawang fungsian untuk Perbadanan.

2.4. Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1. Instrumen Kewangan

3.1.1. Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Perbadanan menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Aset-aset kewangan dikelaskan seperti berikut:

- Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit;
- Pinjaman dan penghutang;
- Aset pelaburan dipegang sehingga matang.

Pengelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi. Pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan serahan aset dalam jangka masa yang ditetapkan oleh pasaran adalah diiktiraf di waktu komitmen pembelian dibuat.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan, aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Pinjaman dan Penghutang

Instrumen Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas penjejasan nilai.

Instrumen pinjaman yang diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti semasa dinyatakan pada jumlah tunai tanpa didiskaunkan atau jumlah balasan yang akan diterima atau dibayar kecuali jika urusan berkenaan sebenarnya adalah transaksi pembiayaan.

iii. Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset kewangan yang mempunyai ketetapan matang dan bayaran tetap (atau boleh ditentukan ketetapanannya) diklasikan sebagai dipegang sehingga matang apabila Perbadanan berhasrat positif dan berkemampuan untuk memegang aset berkenaan sehingga matang. Selepas taksiran awal, aset berklasifikasi begini akan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif selepas penjejasan nilai. Kos terlunas ditentukan dengan mengambil kira sebarang premium atau diskaun pada tarikh perolehan termasuk fi dan kos yang bersepadu sebagai faedah efektif. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset

kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Penjejasan Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan dianggap mengalami penjejasan nilai apabila terdapat bukti objektif tentang penjejasan nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

(e) Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penjejasan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

3.1.2. Liabiliti Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai:

- Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, atau
- Pinjaman dan pembiayaan.

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan termasuk pemiutang dagangan dan pemiutang lain, overdraf bank, pinjaman dan pembiayaan, dan kontrak jaminan kewangan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperoleh dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Pinjaman dan Pembiayaan

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebihan atau defisit apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisah keluar, dibatal atau tamat. Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikeadahkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Hapus silang (*Offsetting*) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

3.2. Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai adalah tunai di tangan, baki dalam bank dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui.

3.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

(a) Pengiktirafan dan Ukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan penjejasan nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikeadahkan sebagai aset berasingan.

Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, dan di mana nilai saksama boleh ditentukan, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya berasal, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai bawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau defisit, di mana berkenaan.

Nilai saksama hartanah disemak dalam tempoh 3 hingga 5 tahun sekali dan ditentukan daripada penilaian semula oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) berasaskan bukti pasaran ketika penilaian dibuat. Hartanah Perbadanan diukur berdasarkan nilai saksama pada tahun semakan nilai dibuat, ditolak susut nilai terkumpul selanjutnya dan apa-apa kerugian pengurangan nilai terkumpul.

Lebihan yang timbul selepas penilaian semula diiktiraf sebagai rizab penilaian semula dalam penyata kedudukan kewangan pada tahun semakan nilai dilaksanakan. Defisit yang timbul selepas penilaian semula diiktiraf sebagai kurangan dan dikontra dalam rizab penilaian semula.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawaan aset berkenaan sekiranya terdapat faedah ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan dapat diukur dengan wajar. Nilai bawaan untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau defisit.

Pembelian harta modal yang berharga RM2,000 dan ke atas bagi setiap unit akan dipermodalkan.

Jika wujud penurunan nilai, jumlah nilai aset akan dinilai semula dan dikurangkan serta mereka kepada jumlah pemulihan. Keuntungan atau kerugian dari penilaian akan ditentukan semasa membandingkan jumlah penerimaan dengan nilai buku aset dan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

i. Susut nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan di susut nilaikan secara berasingan.

Tanah milik bebas tidak di susut nilaikan.

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul, kerugian penurunan nilai (sekiranya ada).

Susut nilai dibuat menurut kaedah garis lurus untuk melupus kira kos, berasaskan tempoh anggaran usia kegunaan setiap aset. Anggaran jangka hayat susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

Tanah milik pajak	Sepanjang jangka pajak
Bangunan	50 tahun
Perabot, lekapan dan kelengkapan serta kemudahan	10 tahun
Mesin, alat kelengkapan dan computer	5 tahun
Kenderaan	5 tahun
Ubahsuai	10 tahun

Nilai bawaan aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawaan. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

Susut nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan berdasarkan garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna bagi setiap bahagian item Hartanah, Loji dan Peralatan.

Jumlah susut nilai ditentukan selepas menolak nilai sisa. Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai baki dinilai semula pada tarikh laporan.

i. Aset yang diterima secara percuma (bukan pertukaran)

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

3.4. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Perbadanan mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

3.5. Kumpulan Wang Usahasama

Kumpulan Wang Usahasama Perbadanan merujuk kepada peruntukan yang telah diterima oleh Perbadanan dari agensi kerajaan dan juga dari pihak swasta untuk melaksanakan program-program tertentu. Program ini akan diuruskan mengikut program masing-masing dan akan disatukan di bawah Kumpulan Wang Usahasama Perbadanan.

3.6. Manfaat Kakitangan

(a) Maklumat Umum

Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, Perbadanan tertakluk kepada peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Mengikut MPSAS 25, manfaat pekerja terbahagi kepada manfaat jangka pendek dan manfaat jangka panjang. Manfaat jangka pendek meliputi gaji, upah, elaun, bonus, cuti tahunan berbayar, cuti sakit, imbuhan tahunan serta manfaat bukan kewangan. Manakala manfaat jangka panjang pula merangkumi ganjaran bagi cuti rehat terkumpul yang tidak digunakan sepanjang tempoh perkhidmatan. Bayaran manfaat ini akan dilaksanakan selepas persaraan pekerja dan diiktiraf sebagai belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun semasa, manakala peruntukan bagi manfaat kakitangan dinyatakan di bawah liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Peruntukan Manfaat Kakitangan.

(b) Pelan Caruman Wajib

Sebagaimana peruntukan perundangan yang diamalkan oleh agensi-agensi lain, Perbadanan membayar caruman pada kadar 17.5 peratus bagi skim pencen kepada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) atau 13 peratus bagi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara bulanan kepada pekerjanya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(c) Pelan Manfaat Persaraan

Pekerja bertaraf tetap di Perbadanan, boleh memilih skim berpencen atau KWSP. Ganjaran Gantian Cuti Rehat (GCR) pula akan diperolehi ketika persaraan. Peruntukan manfaat kakitangan selepas persaraan telah dinilai semula pada nilai saksama dengan mengambil kira kriteria berikut:

- i. menggunakan jadual gaji maksima
- ii. tempoh perkhidmatan selama 10 tahun dan ke atas
- iii. berumur 40 tahun dan ke atas
- iv. mengambil kira nilai maksima hari bagi gantian cuti rehat setiap warga

Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan diguna pakai oleh Perbadanan.

Tahun efektif bagi pengiraan GCR adalah tahun 2020 dan akan digunakan dalam pengiraan GCR untuk setiap tahun. Cara pengiraan adalah seperti formula berikut:

1/30	X	Gaji akhir diterima	X	Jumlah hari cuti rehat yang dibawa untuk GCR (maksima: 180 hari)
------	---	---------------------	---	--

3.7. Transaksi Matawang Asing

Transaksi matawang asing dinyatakan asalnya menggunakan kadar tukaran terpakai pada tarikh transaksi berkenaan. Pemiutang atau penghutang dagangan berdominasi matawang asing pada tarikh berakhir tahun kewangan dilaporkan dengan menggunakan kadar tukaran harian dan bulanan seperti yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JAN).

Perbezaan tukaran hasil dari penyelesaian dengan pemiutang, atau dari pelaporan semula pemiutang pada kadar yang berbeza dari apa yang dilaporkan sebelumnya, diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh perbezaan berkenaan timbul.

3.8. Geran Kerajaan

Geran Kerajaan terbahagi kepada:-

(a) Geran Mengurus

Geran Mengurus tahunan yang diterima untuk tujuan membiayai perbelanjaan mengurus adalah diambil kira sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan tahunan semasa.

(b) Geran Pembangunan

Geran Pembangunan adalah geran yang diterima untuk program yang dikenakan syarat-syarat tertentu dan diiktiraf sebagai geran tertunda dan akan dilunaskan setelah projek siap.

3.9. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan. Hibah yang dikenakan diambil kira sebagai pendapatan mengurus.

3.10. Kumpulan Wang Pinjaman Komputer

Kumpulan Wang Pinjaman Komputer merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Komputer. Hibah yang dikenakan diambil kira sebagai pendapatan mengurus.

3.11. Penjejasan Nilai untuk Aset Bukan Kewangan

Semakan dibuat sama ada terdapat petanda bahawa nilai bawaan aset bukan kewangan mengalami penjejasan nilai. Sekiranya ada, anggaran nilai boleh diperolehi aset berkenaan akan dilakukan.

Bagi tujuan menyemak penjejasan nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada Unit Penjana Tunai ("UPT"), iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Nilai boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama selepas kos untuk jualan dan nilai gunaan. Untuk mentafsir nilai gunaan, unjuran aliran tunai didiskaunkan pada kadar diskaun sebelum cukai yang berpandukan kepada taksiran pasaran semasa untuk aset atau UPT berkenaan.

Penjejasan nilai akan diiktiraf apabila nilai bawaan untuk aset atau UPT yang berkenaan melebihi jumlah boleh diperolehi.

Pertambahan seterusnya ke atas jumlah yang boleh diperolehi oleh sesuatu aset dikira sebagai pembalikan kerugian atas sebab pengurangan kekal terdahulu dan diambil kira setakat nilai aset yang dibawa tersebut yang sepatutnya dikira (jumlah bersih perlusasan dan susut nilai) jika kerugian atas sebab pengurangan kekal tidak diambil kira. Nilai yang diterbalikkan ini diambil kira ke lebihan atau defisit bagi tahun semasa.

3.12. Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada urusan niaga bukan pertukaran

- i. Geran Kerajaan tanpa syarat pelaksanaan spesifik diakaunkan sebagai hasil apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.
- ii. Geran Kerajaan dengan syarat pelaksanaan spesifik diakaunkan sebagai hasil apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.

Hasil daripada urusan niaga pertukaran

- i. Hasil daripada yuran kursus dan latihan diiktiraf apabila kursus dan latihan telah dijalankan.
- ii. Hasil faedah dari simpanan dan deposit tetap diiktiraf mengikut asas akrual.
- iii. Hasil dari kutipan sewaan adalah diiktiraf mengikut asas akrual.
- iv. Hasil dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.
- v. Hasil jualan aset diiktiraf apabila risiko dan ganjaran signifikan telah beralih kepada pembeli.

3.13. Percukaian

Perbadanan dikecualikan dari cukai di bawah seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 oleh Kementerian Kewangan berkuat kuasa bagi tahun 2001. Mulai tahun taksiran 2002, pengecualian cukai ke atas pendapatan Perbadanan diberi melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2003 dan diganti dengan

Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) 2006 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2024 (RM)	2023 (RM)
Penghutang perniagaan (Nota 4a)	2,520	168,680
Pelbagai penghutang	575,145	718,113
Penghutang pinjaman kenderaan (Nota 4b)	377,273	307,446
Penghutang pinjaman komputer (Nota 4c)	145,499	157,995
Pelbagai pendahuluan	-	7,015
Deposit diberi dan prabayar	171,468	171,309
	1,271,905	1,530,558
Ditera sebagai:		
Aset semasa	898,184	1,195,841
Aset bukan semasa	373,721	334,717
	1,271,905	1,530,558

4(a) Penghutang Perniagaan

Analisis pengumuruan bagi penghutang perniagaan adalah seperti berikut:-

	2024 (RM)	2023 (RM)
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai (kurang 90 hari)	2,520	168,680
Melebihi 90 hari, kurang daripada 180 hari	-	-
Melebihi 180 hari, kurang daripada 365 hari	-	-
Melebihi 365 hari, kurang daripada 730 hari	-	-
Melebihi 730 hari (bayar secara ansuran)	-	-
	2,520	168,680

i) Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai serta penghutang yang kurang daripada 90 hari.

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan Perbadanan.

ii) Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, Perbadanan yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk jejasnilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi semula sepenuhnya.

iii) Penghutang yang diragui.

Penghutang yang diragui pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian diragui penghutang adalah seperti berikut:

	2024 (RM)	2023 (RM)
Pada 1 Januari	-	5,000
Pemulihan hutang ragu	-	(5,000)
Hutang ragu	-	-
Pada 31 Disember	-	-

Penghutang yang diragui merupakan penghutang yang telah dikenalpasti secara individu untuk diragui kerana berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan Perbadanan menganggarkan hutang ini berpotensi untuk tidak dapat dipungut semula.

4(b) Penghutang Pinjaman Kenderaan

Penghutang pinjaman kenderaan terdiri daripada :-

	2024 (RM)	2023 (RM)
Pinjaman yang perlu dibayar selepas 12 bulan	288,902	230,460
Pinjaman yang perlu dibayar dalam masa 12 bulan	88,371	76,986
	377,273	307,446

4(c) Penghutang Pinjaman Komputer

Penghutang pinjaman komputer terdiri daripada :-

	2024 (RM)	2023 (RM)
Pinjaman yang perlu dibayar selepas 12 bulan	84,819	104,256
Pinjaman yang perlu dibayar dalam masa 12 bulan	60,680	53,739
	145,499	157,995

5. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2024 (RM)	2023 (RM)
Ubah suai ruang pejabat MPC di Menara MATRADE, Aras 1 dan 21	7,915,723	-
Pembangunan aplikasi mudah alih bagi Program Akademi Dalam Industri	79,752	-
	7,995,475	-

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos	Tanah (RM)	Bangunan (RM)	Perabot dan kemudahan am (RM)	Mesin dan alat kelengkapan (RM)	Kenderaan (RM)	Ubahsuai (RM)	2024 (RM)	2023 (RM)
Pada 1 Januari 2024	8,176,882	28,538,880	3,656,090	5,471,984	1,674,212	3,754,192	51,272,240	47,303,195
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	6
Rizab penilaian / Tambahan	1,371,746	-	-	410,118	-	-	1,781,864	4,207,287
Rosot nilai	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	(8,750)	-	(8,750)	(238,248)
Pada 31 Disember 2024	9,548,628	28,538,880	3,656,090	5,882,102	1,665,462	3,754,192	53,045,354	51,272,240
<u>Susutnilai Terkumpul</u>								
Pada 1 Januari 2024	34,091	16,802,323	3,450,979	4,716,106	1,612,951	2,728,294	29,344,744	28,591,195
Susutnilai tahun semasa	10,402	493,839	26,944	317,107	42,138	142,303	1,032,733	991,795
Pelupusan	-	-	-	-	(8,749)	-	(8,749)	(238,246)
Pada 31 Disember 2024	44,493	17,296,162	3,477,923	5,033,213	1,646,340	2,870,597	30,368,728	29,344,744
<u>Nilai Bawa Bersih</u>								
Pada 31 Disember 2024	9,504,135	11,242,718	178,167	848,889	19,122	883,595	22,676,626	-
Pada 31 Disember 2023	8,142,791	11,736,557	205,111	755,878	61,261	1,025,898	-	21,927,496
Susutnilai dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023								
	2,622	493,113	26,172	303,420	43,513	122,955	-	991,795

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

a. DANA PENGURUSAN

<u>PENGURUSAN</u> <u>Kos</u>	Tanah (RM)	Bangunan (RM)	Perabot lengkapan dan kemudahan am (RM)	Mesin dan alat kelengkapan (RM)	Kenderaan (RM)	Ubahsuai (RM)	2024 (RM)	2023 (RM)
Pada 1 Januari 2024	7,672,000	1,938,096	2,258,271	4,250,914	1,674,212	3,754,192	21,547,685	17,451,068
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	6
Rizab penilaian /								
Tambahan	1,371,746	-	-	410,118	-	-	1,781,864	4,207,287
Rosot nilai	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	(8,750)	-	(8,750)	(110,676)
Pada 31 Disember 2024	9,043,746	1,938,096	2,258,271	4,661,032	1,665,462	3,754,192	23,320,799	21,547,685

Susutnilai Berkumpul

Pada 1 Januari 2024	-	46,184	2,053,224	3,495,062	1,612,951	2,728,294	9,935,715	9,514,134
Susutnilai tahun semasa	7,779	38,762	26,944	317,107	42,138	142,303	575,033	532,255
Pelupusan	-	-	-	-	(8,749)	-	(8,749)	(110,674)
Pada 31 Disember 2024	7,779	84,946	2,080,168	3,812,169	1,646,340	2,870,597	10,501,999	9,935,715

Nilai Bawa Bersih

Pada 31 Disember 2024	9,035,967	1,853,150	178,103	848,863	19,122	883,595	12,818,800	-
Pada 31 Disember 2023	7,672,000	1,891,912	205,047	755,852	61,261	1,025,898	-	11,611,970
Susutnilai dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023	-	36,195	26,172	303,420	43,513	122,955	-	532,255

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

b. DANA PEMBANGUNAN

<u>PEMBANGUNAN</u> <u>Kos</u>	Tanah		Bangunan		Perabot lengkapan dan kemudahan am		Mesin dan alat kelengkapan		Kenderaan		Ubahsuai		2023	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Pada 1 Januari 2024	504,882	26,600,784	1,397,819	1,221,070	-	-	-	29,724,555	29,852,127					
Tambahan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(127,572)	-
Pada 31 Disember 2024	504,882	26,600,784	1,397,819	1,221,070	-	-	-	29,724,555	29,724,555					
<u>Susutnilai Terkumpul</u>														
Pada 1 Januari 2024	34,091	16,756,139	1,397,755	1,221,044	-	-	-	19,409,029	19,077,061					
Susutnilai tahun semasa	2,623	455,077	-	-	-	-	-	457,700	459,540					
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	(127,572)					
Pada 31 Disember 2024	36,714	17,211,216	1,397,755	1,221,044	-	-	-	19,866,729	19,409,029					
<u>Nilai Buku Bersih</u>														
Pada 31 Disember 2024	468,168	9,389,568	64	26	-	-	-	9,857,826	-					
Pada 31 Disember 2023	470,791	9,844,645	64	26	-	-	-	-	10,315,526					
Susutnilai dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023														
	2,622	456,918	-	-	-	-	-	-	459,540					

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

a. MPC WILAYAH SARAWAK

Tanah di Pejabat MPC Sarawak merupakan tanah pajakan selama 60 tahun dengan kos berjumlah RM15,606. Tanah tersebut telah dijejasnilai selama 44 tahun bermula tahun 2012. Proses pertukaran nama telah dilaksanakan oleh Tetuan Abdul Rahim Sarkawi Razak Tready Fadillah Advocates pada 1 Disember 2021.

b. MPC WILAYAH PANTAI TIMUR

(i) Tanah di pejabat MPC Wilayah Pantai Timur merupakan tanah pemberian kerajaan Negeri Pahang kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Permohonan nilai tanah tersebut telah dibuat oleh pihak Perbadanan kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Negeri Pahang. Nilai pasaran bagi tanah tersebut adalah RM6,680,000 (RM330 semeter persegi). Merujuk kepada surat JPPH : COT 175/06/004/04/PT 14861 bertarikh 16 Julai 2019, nilai ini adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

- Pegangan selama-lamanya
- Kategori tanah bangunan
- Syarat Nyata Perniagaan
- Keluasan tanah 20,234.30 meter persegi
- Rupabumi tanah berbukit-bukit dan tinggi rendah
- Luar Rezab Melayu
- Hakmilik bebas dari segala ikatan dan bebanan
- Nilai tanah adalah dengan pemilikan kosong

(ii) Penilaian tanah ini telah dinilai semula oleh Jurukur Bertauliah dan Perunding Harta Antarabangsa Tetuan CBRE WTW Valuation & Advisory Sdn. Bhd. pada 25 Mei 2022. Nilai pasaran terkini tanah tersebut adalah RM4,000,000 seperti yang terkandung dalam Surat WTW/05/V/004609/22/MZK bertarikh 10 Jun 2022.

(iii) Penilaian semula Tanah di Pejabat MPC Wilayah Pantai Timur telah dilaksanakan semula oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Negeri Pahang pada 21 Julai 2023. Nilai dibuat berdasarkan kepada Nilai Pasaran dan Nilai Sewa Pasaran dengan mengambil kira faktor-faktor yang menentukan Nilai Pasaran ke atas harta tanah seperti berikut:

- Tarikh nilai berdasarkan tarikh lawat periksa iaitu pada 21 Julai 2023;
- Kategori harta tanah subjek adalah bangunan dengan syarat nyata untuk kegunaan bangunan pejabat sahaja;
- Harta tanah subjek terletak di Semambu, Jalan Pintasan Kuantan;
- Kepentingan hakmilik adalah pegangan selama-lamanya;
- Keluasan tanah keseluruhan bagi harta tanah subjek adalah 20,190 meter persegi;

- Berada di luar kawasan Rezab Melayu dan terletak dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuantan (MBK);
 - Rupabumi harta tanah subjek adalah beralun dan tinggi rendah;
 - Harta tanah subjek adalah berbentuk tidak sekata;
 - Hakmilik bebas daripada segala sekatan dan bebanan dengan pemilikan kosong;
 - Nilai melibatkan tanah sahaja.
- (iv) Berdasarkan pelarasan yang dibuat ke atas nilai tanah berpegangan kekal adalah dalam lingkungan harga antara RM280 semeter persegi hingga RM600 semeter persegi. Kadar yang dicadangkan berdasarkan pegangan kekal adalah RM380 semeter persegi dengan Nilai Pasaran sebanyak RM7,672,000 dengan keluasan tanah 20,190 meter persegi.

c. MPC WILAYAH SELATAN

Perjanjian pajakan keseluruhan tanah milik persekutuan di HSD 181386 PTB 12330, Bandar Johor Bahru, Johor kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia telah selesai dan telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (MPC dan JKPTG) pada 30 Ogos 2021. Memandangkan tanah tersebut adalah tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan Perbadanan hanya perlu membayar cukai tahunan berjumlah RM1,090, Perbadanan telah mengeluarkan tanah tersebut dari senarai tanah Perbadanan.

d. MPC WILAYAH UTARA

Berkaitan dengan isu permohonan pajakan MPC Wilayah Utara, pihak MPC Wilayah Utara telah mengadakan pertemuan dengan Bertam Properties pada 8 November 2022 dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) Seberang Prai Utara, pada 16 November 2022 bagi urusan pembatalan geran Lot 2549 atas nama Bertam Properties. PTD memaklumkan terdapat cetakan 'Gadaian' di atas geran Lot 2549 dan perlu dibuat proses pembatalan. Pihak PTD telah menyerahkan geran tersebut kepada Pejabat Tanah & Galian (PTG) Negeri pada Disember 2022 untuk proses pembatalan 'Gadaian'. Proses pembatalan 'Gadaian' telah selesai dibuat oleh PTG melalui Mesyuarat J/K Tanah Negeri pada Februari 2023.

e. MPC IBU PEJABAT

Permohonan pajakan tanah MPC Ibu Pejabat, tidak dibincangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) yang berlangsung pada Oktober 2021. Terkini, MITI telah memutuskan bahawa Perbadanan akan berpindah ke Bangunan Matrade bersebelahan Bangunan MITI bermula bulan Oktober 2023.

7. ASET TIDAK KETARA

<u>Kos</u>	2024 (RM)	2023 (RM)
Pada 1 Januari	513,700	473,700
Tambahan	253,500	40,000
Pada 31 Disember	767,200	513,700
<u>Rosotnilai Berkumpul</u>	(RM)	(RM)
Pada 1 Januari	410,841	314,502
Rosotnilai tahun semasa	47,135	96,339
Pada 31 Disember	457,976	410,841
<u>Nilai bawa Bersih</u>		
Pada 31 Disember	309,224	102,859

8. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2024 (RM)	2023 (RM)
Pemiutang terakru	6,494,824	9,899,497
Pelbagai pemiutang	13,672	2,053,572
Deposit diterima	1,028,402	198,100
Pendahuluan pembayaran	30,910	-
	7,567,808	12,151,169

9. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2024 (RM)	2023 (RM)
Pada awal tahun	1,700,454	1,490,514
Peruntukan tahun semasa	2,241,136	1,700,454
Pelarasan terlebih peruntuk	(1,204,283)	(793,292)
Pembayaran tahun semasa	(496,171)	(697,222)
	2,241,136	1,700,454
Ditera sebagai:-		
Liabiliti semasa	197,840	183,706
Liabiliti bukan semasa	2,043,296	1,516,748
	2,241,136	1,700,454

10. KUMPULAN WANG USAHASAMA

	2024 (RM)	2023 (RM)
Baki pada 1 Januari	3,372,944	2,855,152
Pelarasan tahun semasa	(243,173)	129,622
Tambahan dalam tahun semasa	1,327,226	2,507,883
Pulangan tahun semasa	-	-
Belanja dalam tahun semasa	(679,153)	(2,119,713)
Baki pada 31 Disember	3,777,844	3,372,944

	2024 (RM)	2023 (RM)
Program Usahasama		
Program MTCP-JICA	40,601	40,601
Program Industri 4.0 (RMK-11)	1,486,926	1,486,926
Program Industri 4.0 (RMK-12)	1,478,833	1,478,833
Program Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI)	104,077	332,552
Program Asian Productivity Organisation (APO VISION)	22,308	29,078
Program Sesi Libat Urus Strategik Penilaian Inisiatif Nexus Produktiviti APO MPB (SNP)	23,295	-
Program Projek Rintis Dasar Penjanaan Hasil (DPH)	8,550	-
Program Rakan Strategik Sesi Libat Urus (SLU RMK-13 Bersama Industri)	608,300	-
Kumpulan Wang COVID-19	4,954	4,954
Baki pada 31 Disember	3,777,844	3,372,944

KUMPULAN WANG USAHASAMA (NOTA PROGRAM)

Program MTCP-JICA

MTCP-JICA merupakan inisiatif kerjasama antara *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* di bawah kerangka *Third Country Training Program (TCTP)*. Program ini bertujuan untuk menyokong pembangunan kapasiti negara-negara membangun melalui pemindahan pengetahuan dan kepakaran teknikal. Fokus utama program ini merangkumi tiga bidang teras, iaitu pendekatan *KAIZEN*, Pengurusan Kualiti Menyeluruh (*Total Quality Management - TQM*), serta peningkatan Produktiviti dan Inovasi.

Program Industri 4.0 (4WRD)

Industry4WRD merupakan dasar nasional yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebagai langkah strategik untuk

mentransformasikan industri pembuatan dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia ke arah yang lebih sistematik, pintar, dan berdaya tahan sejajar dengan revolusi industri keempat.

Bagi menyokong pelaksanaan dasar ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM210 juta bagi tempoh 2019 hingga 2025. Dana ini bertujuan membantu syarikat dalam proses migrasi dan peralihan ke arah penggunaan teknologi Industri 4.0 melalui pelaksanaan *Industry4WRD Readiness Assessment (RA)*.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah dilantik sebagai Sekretariat *Readiness Assessment (RA)* dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam penyelarasan, pelaksanaan serta pemantauan program ini. Penilaian ini bertujuan untuk membantu sehingga 500 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam menilai tahap kesiapsiagaan mereka terhadap adaptasi teknologi dan proses berasaskan Industri 4.0. *Industry4WRD Readiness Assessment* merupakan satu program penilaian komprehensif yang membolehkan syarikat memahami kekuatan serta jurang teknologi mereka, seterusnya merangka pelan tindakan bersesuaian untuk mempertingkatkan daya saing dan produktiviti secara berterusan.

Program Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI)

AKI merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sejak tahun 1991. Objektif utama anugerah ini adalah untuk mengiktiraf syarikat-syarikat tempatan yang menunjukkan prestasi cemerlang, di samping menggalakkan penambahbaikan berterusan dalam penyampaian produk dan perkhidmatan.

Bagi memastikan proses penilaian yang menyeluruh dan berstandard tinggi, MITI menggunakan Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan Malaysia (MBEF) sebagai asas penilaian. MBEF ialah satu kerangka penanda aras yang holistik dan menyeluruh, meliputi tujuh elemen utama organisasi yang diurus dengan cemerlang, iaitu:

- Kepimpinan
- Strategi
- Maklumat dan Analitik
- Fokus kepada Pelanggan
- Pengurusan Tenaga Kerja
- Pengurusan Proses
- Hasil dan Keputusan Organisasi

Rangka kerja ini adalah selaras dengan *Business Excellence Framework (BEF)* yang digunakan di peringkat antarabangsa oleh pelbagai organisasi untuk mengenal pasti dan mengiktiraf kecemerlangan dalam pengurusan perniagaan.

Sebagai pelaksana teknikal, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah dilantik oleh MITI sebagai Sekretariat Penilaian bagi Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI). Peranan ini merangkumi penyelarasan proses penilaian, pelaksanaan audit penilaian, serta penambahbaikan berterusan terhadap kriteria penilaian yang digunakan.

Asian Productivity Organisations (APO)

APO ialah sebuah organisasi antara kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1961, dengan keanggotaan terdiri daripada 20 buah negara di rantau Asia Pasifik. APO komited untuk meningkatkan produktiviti serantau melalui pelbagai inisiatif strategik seperti pembangunan Pelan Produktiviti Nasional dan pemerkasaan *National Productivity Organisations (NPO)* di negara-negara anggotanya. Malaysia telah menjadi ahli APO sejak tahun 1983 dan terus memainkan peranan aktif dalam menyokong agenda produktiviti serantau yang selaras dengan aspirasi pembangunan negara.

Program APO Vision 2025

APO Vision 2025 merupakan satu inisiatif sokongan yang bertemakan "Inklusif: Pertumbuhan Produktiviti yang Diterajui oleh Inovasi". Program ini bertujuan untuk membantu Malaysia dalam mempergiat usaha mempromosikan kesedaran dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kepentingan tema tersebut. Fokus utama adalah pada konsep "Produktiviti Dipacu Inovasi", yang menjadi tunjang kepada aspirasi *APO Vision 2025*.

Melalui program jangkauan ini, pelbagai aktiviti dan inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan inovasi dalam merangsang pertumbuhan produktiviti negara. Usaha ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan rakyat serta menyokong matlamat pembangunan negara yang mampan dan inklusif.

Program Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19)

KWC-19 merupakan sebahagian daripada pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi yang dilaksanakan bagi membantu pihak industri dan syarikat di Malaysia dalam menghadapi kesan daripada pandemik COVID-19. Melalui program ini, MPC telah menerima peruntukan sebanyak RM10,000,000 untuk melaksanakan dua inisiatif utama, iaitu MyReskill IoT dan MyReskill Workforce.

Kedua-dua inisiatif ini bertujuan untuk:

- Meningkatkan tahap penerimgunaan teknologi dalam kalangan syarikat tempatan; dan
- Meningkatkan kemahiran tenaga kerja agar selari dengan keperluan semasa industri.

Perbelanjaan di bawah peruntukan ini memberi fokus kepada latihan semula berasaskan teknologi serta program pemindahan kemahiran untuk memastikan daya

saing syarikat dan pekerja dapat dipertingkatkan dalam landskap ekonomi pasca pandemik.

Projek Rintis Dasar Penjanaan Hasil (DPH)

Kementerian Kewangan (MoF) telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Dasar Penjanaan Hasil (DPH) selaras dengan Resolusi Ke-5 Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara (NAFAM), yang menekankan keperluan memperkukuh dasar *Asset Monetization* bagi tujuan menjana pendapatan daripada aset Kerajaan sedia ada.

Pada masa ini, penjanaan hasil daripada aset tak alih seperti sewaan, pajakan dan usaha sama awam-swasta dilaksanakan secara berasingan oleh agensi-agensi Kerajaan di bawah pemantauan kementerian masing-masing. Walau bagaimanapun, tiada dasar pusat yang khusus mahupun pemantauan berkala yang menyeluruh dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan, menyebabkan potensi hasil tidak dapat dioptimumkan sepenuhnya.

Sebagai langkah awal, Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi melaksanakan Projek Rintis Dasar Penjanaan Hasil (DPH) sebagai bukti konsep (*Proof of Concept*, POC). Projek ini bertujuan untuk menguji keberkesanan pelaksanaan dasar baharu tersebut dalam suasana sebenar, serta mengenal pasti isu-isu pelaksanaan yang berpotensi sebelum dasar ini diguna pakai secara menyeluruh.

Tempoh pelaksanaan projek rintis ini dijangka berlangsung selama enam (6) bulan. Hasil kajian dan dapatan daripada projek ini akan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Kewangan sebagai asas penilaian terhadap keberkesanan dan kesesuaian dasar berkenaan. Seterusnya, hasil tersebut akan dibawa untuk makluman dan pertimbangan Jemaah Menteri.

Sesi Libat Urus Strategik Penilaian Inisiatif Nexus Produktiviti APO MPB (APO-SNP)

Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) telah dilancarkan pada 2017 dengan penubuhan sembilan Nexus Produktiviti yang mewakili subsektor utama di Malaysia. Inisiatif di peringkat sektoral dan enterpris telah dilaksanakan di bawah Nexus Produktiviti bagi meningkatkan produktiviti secara menyeluruh. Pada tahun 2024, sesi libat urus strategik telah dijalankan melibatkan pemegang taruh dan pemain industri utama bagi menilai keberkesanan inisiatif Nexus Produktiviti dalam meningkatkan produktiviti negara.

Rakan Strategik Sesi Libat Urus (SLU RMK-13) Bersama Industri

Kementerian Ekonomi telah melantik MPC sebagai rakan strategik bagi pelaksanaan tiga siri Sesi Libat Urus (SLU) melibatkan empat belas subsektor utama. Tujuan sesi-sesi ini adalah untuk mengumpul input dan maklum balas daripada pihak industri bagi

menyokong pembangunan dokumen Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Sepanjang pelaksanaan ketiga-tiga siri SLU tersebut, lebih daripada 1,000 peserta telah mengambil bahagian dan memberikan pelbagai isu serta cabaran yang dihadapi dalam usaha memperkukuh pertumbuhan ekonomi negara.

11. GERAN TERTUNDA

	2024 (RM)	2023 (RM)
Baki pada 1 Januari	57,855,563	19,495,534
Pendapatan:		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	20,300,000	62,025,000
Jumlah pendapatan	78,155,563	81,520,534
Tolak:		
Pengiktirafan geran pembangunan (Nota 12)	(24,521,421)	(23,664,971)
Jumlah perbelanjaan	(24,521,421)	(23,664,971)
Baki pada 31 Disember	53,634,142	57,855,563

12. KUMPULAN WANG PENGURUSAN

	2024 (RM)	2023 (RM)
Baki pada 1 Januari	34,610,478	33,651,580
Pendapatan:		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	45,623,000	43,098,000
Pelbagai pendapatan	4,745,404	3,598,906
	50,368,404	46,696,906
Tolak: Perbelanjaan		
Emolumen	25,859,119	24,987,390
Perbelanjaan pengurusan	20,994,038	20,119,324
Perbelanjaan konvensyen	-	2,700
Susutnilai	609,512	628,594
	47,462,669	45,738,008
Lebihan tahun semasa	2,905,735	958,898
Baki pada 31 Disember	37,516,213	34,610,478

13. GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

	2024 (RM)	2023 (RM)
Geran mengurus	45,623,000	43,098,000
Pengiktirafan geran usahasama	679,153	2,119,713
Pengiktirafan geran pembangunan	24,521,421	23,664,971
	70,823,574	68,882,684

Geran Usahasama sebenar yang diterima dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 sebanyak RM1,327,227 (tahun 2023: RM2,507,883). Geran Pembangunan sebenar yang diterima dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 sebanyak RM20,300,000 (tahun 2023: RM62,025,000).

14. EMOLUMEN

	2024 (RM)	2023 (RM)
Gaji kakitangan	17,471,153	17,300,002
Elaun tetap	4,275,335	4,388,084
Tambahan kos kakitangan	3,018,403	2,963,529
Elaun lebih masa	219,231	258,072
Pelbagai faedah kewangan	874,997	339,622
	25,859,119	25,249,309
Bilangan kakitangan	309	315

15. MANFAAT KAKITANGAN

	2024 (RM)	2023 (RM)
Pembayaran tahun semasa	496,171	697,222
Pelarasan tahun semasa	(1,700,454)	(1,490,514)
GCR lebih peruntuk	(1,204,283)	(793,292)
Peruntukan tahun semasa	2,241,136	1,700,454
	1,036,853	907,162

16. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	2024 (RM)	2023 (RM)
Lain-lain faedah kewangan	-	200
Perjalanan dan sara hidup	148,916	78,313
Pengangkutan barang-barang	-	109
Perhubungan	-	294
Sewaan	291,696	147,620
Perkhidmatan percetakan	369,798	430,851
Bekalan dan alatan	463,063	127,248
Perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti	22,224,066	22,315,236
Kerugian pertukaran matawang asing	126	-
Cukai pegangan	553,400	105,560
	24,051,065	23,205,231

17. PERBELANJAAN USAHASAMA

	2024 (RM)	2023 (RM)
Perjalanan dan sara hidup	16,563	10,093
Sewaan	89,970	-
Perkhidmatan percetakan	-	1,144
Bekalan dan alatan	93,558	-
Perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti	479,062	2,094,506
Kerugian pertukaran matawang asing	-	13,970
	679,153	2,119,713

18. PERUNTUKAN CUKAI

Perbadanan telah menerima pengecualian cukai daripada Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan **MOF.TAX.700-3/1/894(33)** bertarikh **24 Julai 2023**, selaras dengan **Subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967**. Pendapatan lain yang diterima oleh Perbadanan adalah tertakluk kepada kutipan yang dibenarkan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966 dan layak mendapat pengecualian cukai berdasarkan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006 [P.U.(A) 207]**.

19. PENGURUSAN MODAL

Bagi tujuan pengurusan modal Perbadanan, modal merujuk kepada ekuiti, termasuk lebihan terkumpul dan segala rizab ekuiti. Ekuiti diwakili oleh aset bersih.

Perbadanan mengurus modal dengan mengikuti peruntukan di dalam Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara Bil. 19 pada tahun 1966.

Perbadanan sentiasa menyemak semula dan menguruskan modalnya untuk memastikan kecukupan bagi keperluan kendalian dan modal. Tiada perubahan dalam pendekatan Perbadanan untuk pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

20. KAKITANGAN PENGURUSAN UTAMA

Lembaga Pengarah (BOD) MPC

Ahli Lembaga Pengarah (BOD) MPC adalah terdiri daripada 15 orang ahli tetap dan 5 orang ahli ganti. Jumlah keseluruhan bayaran elaun tetap bulanan dan elaun kehadiran adalah sebanyak RM523,700 pada tahun 2024.

Lembaga Pengurusan (BOM) MPC

Ahli Lembaga Pengurusan (BOM) MPC terdiri daripada Ketua Pengarah MPC, 2 orang Timbalan Ketua Pengarah dan 2 orang Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah MPC termasuk seorang Setiausaha Perbadanan. Jumlah keseluruhan bayaran emolumen kepada ahli BOM adalah sebanyak RM1,002,668 pada tahun 2024.

21. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

- (a) Kos Dilunaskan ("AC")
- (b) Nilai Saksama Melalui Keuntungan atau Kerugian ("FVTPL")
- (c) Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif Lain ("FVOCI")
- (d) Lain-lain Liabiliti ("OL")

21.1. Kategori Instrumen Kewangan

	Amaun Bawaan (RM)	AC (RM)	FVTPL (RM)
2024			
Aset kewangan			
Baki bank dan wang tunai	-	13,248,844	13,248,844
Deposit tetap di institusi kewangan	-	69,207,069	69,207,069
Urusniaga pertukaran belum terima	1,271,905	-	1,271,905
	1,271,905	82,455,913	83,727,818
Liabiliti kewangan			
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	7,567,808	7,567,808
2023			
Aset kewangan			
Baki bank dan wang tunai	-	13,402,405	13,402,405
Deposit tetap di institusi kewangan	-	82,699,290	82,699,290
Urusniaga pertukaran belum terima	1,530,558	-	1,530,558
	1,530,558	96,101,695	97,632,253
Liabiliti kewangan			
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	12,151,169	12,151,169

21.2. Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Perbadanan terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko Perbadanan adalah memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan, termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran.

(a) Risiko kredit

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak balas memungkirkan obligasi mereka. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan setiap kelas aset kewangan.

Penghutang daripada transaksi pertukaran

Penghutang daripada transaksi pertukaran majoritinya terdiri daripada penghutang konvensional dan kursus. Baki penghutang dipantau secara berterusan supaya Perbadanan tidak terdedah kepada risiko hutang lapuk yang signifikan.

Pendedahan kepada risiko kredit

Perbadanan tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang daripada transaksi pertukaran.

Pinjaman kepada kakitangan

Perbadanan memberi pinjaman kenderaan dan komputer yang tidak bercagar kepada kakitangan.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Risiko kredit terhadap pinjaman kakitangan adalah tidak signifikan kerana bayaran pinjaman belum terima setiap bulan akan dibuat melalui pemotongan gaji.

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan Perbadanan untuk memenuhi obligasi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Pendedahan Perbadanan kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidaksepadanan kematangan aset dan liabiliti kewangan.

Objektif Perbadanan adalah untuk mengekalkan tahap aliran tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan modal kerjanya.

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan Perbadanan pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada tanggungan bayaran balik yang tidak didiskaunkan mengikut kontrak adalah kurang daripada setahun atau atas permintaan.

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merupakan risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi Perbadanan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Perbadanan terdedah kepada risiko kadar faedah dari simpanan tetap dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Simpanan tetap diletakkan pada kadar kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling menguntungkan.

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen berkadar tetap

Perbadanan tidak mengakaunkan aset dan liabiliti kewangan berkadar tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Oleh itu, perubahan kadar faedah pada akhir tahun pelaporan tidak akan menjejaskan lebihan atau defisit.

Hierarki nilai saksama

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1:** Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- Tahap 2:** Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan.
- Tahap 3:** Input bagi aset atau liabiliti yang berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan).

Aset kewangan dinyatakan pada nilai saksama

Amaun dibawa urus niaga pertukaran belum terima dan urus niaga pertukaran belum bayar adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama, disebabkan oleh sifat jangka pendeknya atau kesan pendiskaunan yang tidak ketara terhadap instrumen kewangan ini. Oleh itu, instrumen kewangan ini tidak dinyatakan pada nilai saksama.

LAPORAN TAHUNAN 2024

PERBADANAN
PRODUKTIVITI
MALAYSIA



Memacu Produktiviti Negara

